

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

USUL:

Menyusun Semula Aturan Urusan Mesyuarat
Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) (Ruangan 17)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbadanan
Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 (Ruangan 17)

Rang Undang-undang Perbadanan
Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995 (Ruangan 36)

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996 (Ruangan 43)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)

“ Tuan Ding Seling (Dilantik)

“ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)

“ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)

“ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)

- Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Ketua Penolong Setiausaha
Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha
Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan
Zamani bin Haji Sulaiman

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb. Jun, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****INTERNET/E-MAIL - KAWALAN BAHAN PORNOGRAFI**

1. **Puan Kamalia binti Ibrahim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) polisi kerajaan tentang kegunaan "Internet", sama ada kerajaan antara lain bercadang mewujudkan satu sistem penapis untuk menapis "E-mail" dan menyekat bahan-bahan pornografi dan bahan-bahan yang bertentangan dengan prinsip-prinsip agama dan hal ehwal politik negara; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang seperti "Communications Decency Act" (U.S.A) untuk menghalang masuk bahan-bahan tidak bermoral dan bertentangan dengan agama dan politik negara.

Jika kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang tersebut untuk menyelaraskan penggunaan Internet, bagaimanakah caranya dan undang-undang negara mana yang akan digunakan dan apakah piawai yang akan dijadikan asasnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk menapis E-mail sepertimana juga kerajaan tidak menapis semua surat biasa. Bahan pornografi memang telah disekat setakat yang boleh. Namun demikian, adalah sukar untuk menyekat secara 100% kerana ia berpunca dari banyak sumber dan bilangannya sentiasa bertambah serta coraknya yang berubah-ubah. Kerajaan berpendapat adalah lebih berkesan bagi kita menyebarkan maklumat yang tepat melalui Internet untuk menangkis maklumat salah yang disebarkan oleh pihak luar.
- (b) Majlis Teknologi Maklumat Negara masih lagi sedang giat mengkaji semua aspek undang-undang yang berkaitan dengan teknologi maklumat termasuk Internet. Sebarang pindaan atau penggubalan undang-undang akan dibuat selepas kajian selesai.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tak ada orang bangun, maka saya pun bangunlah mengemukakan soalan tambahan. [Ketawa] Beberapa hari yang lalu sewaktu beberapa orang Senator di dalam bilik rehat Senate, kita telah mencuba untuk mendapatkan gambar pornografi melalui Internet yang ada, [Ketawa] ia mengambil masa tak sampai 2 minit sudah keluar gambar yang 'off scene', memang terbukti pornografi, yang menjadi saksi ialah

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sendiri ada bersama-sama. *[Ketawa]*
Jadi, terlalu mudah....

Tuan Yang di-Pertua: Siapa nama Setiausaha Parlimen itu? *[Ketawa]*

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Dato' Haji Muhammad bin Abdullah. *[Ketawa]*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu yang nakal, bukan saya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Point yang saya hendak timbulkan, Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu mudah, budak sekolah Form I pun saya ingat boleh buat, mungkin sekolah rendah pun boleh. Jadi, tidakkah mungkin kalau tidak boleh kita sekat sama sekali supaya menjadikan pornografi ini susah, saya tak tahulah maca mana caranya, tetapi tidakkah mungkin ada jalan untuk menyekat daripada sampai dengan begitu mudah kepada sesiapa sahaja?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak pergi cari dia mungkin tak dapatlah. *[Ketawa]* Kalau cari, memanglah di mana-mana tempat pun dapat. Walau bagaimanapun, kerajaan memang sedar pornografi ini memang berlaku di dalam Internet ini. Jikalau kita mengetahui sumbernya, kita akan mengambil tindakan selanjutnya untuk menyekat. Sepertimana jawapan saya sebentar tadi, oleh kerana sumbernya banyak dan coraknya berubah-ubah, hingga sekarang belum ada teknologi di dunia ini boleh menyekat. Kita harap satu hari boleh dicari satu teknologi dan juga ini tertakluk kepada pengguna sendiri dan kita sendiri mesti berdisiplin sedikit, jangan selalu cuba. Orang dewasa mungkin bolehlah sebagai satu entertainment, tetapi orang yang masih muda inilah yang menjadi masalah dan kita mengetahui hal itu.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Minta sambung sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya beri peluang sambungkan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Maksud saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat sekarang berpendapat ataupun mendapat impression yang kerajaan dalam beberapa statement bahawa bahan-bahan dalam Internet ini ada disaring dan disekat perkara-perkara yang tidak perlu untuk kita. Kalau begitu, kerajaan patut mendedahkan bahawa kerajaan tidak berupaya untuk menyekat dan tanggungjawab ibu bapa dan cikgu untuk memastikan pornografi tidak jatuh ke tangan anak-anak kita kerana sekarang di sekolah, Kementerian Pendidikan supply bukan sahaja komputer tetapi juga Jaringan (Internet). Anytime anak-anak di sekolah boleh menggunakan Internet untuk kerja-kerja yang salah di dalam kelas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak perlu jawablah, itu satu cadangan. Boleh terima ya, cadangan begitu?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Okay.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan mengenai sekatan untuk menapis E-mail bahawa kerajaan tidak berupaya untuk menapis dan tidak bercadang untuk menapis dan kerajaan dikatakan akan cuba memberi maklumat-maklumat untuk menerangkan perkara-perkara yang mungkin bertentangan dengan prinsip-prinsip yang negatif. Tetapi kalau kerajaan tidak berupaya untuk menapis, saya kurang yakin bagaimana pula agaknya kerajaan boleh pula hendak menangkis maklumat-maklumat melalui E-mail yang dikatakan negatif tadi?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, cara ini dipakai di seluruh dunia. Ini bukan hasrat kerajaan untuk hendak menyekat atau menapis E-mail ini oleh kerana kita mengamalkan satu transformasi mesejnya ialah secara bebas dan ini juga diamalkan oleh semua negara di dunia ini, kecuali kita akan mengetahui mana-mana

pihak yang buat E-mail itu dengan sengajanya untuk memburuk-burukkan alat-alat atau mesin-mesin itu, kita akan mengambil tindakan.

PAKAIAN SERAGAM POLIS/TENTERA - MEMASTIKAN JUALAN DAN KEGUNAAN TIDAK DISELEWENGGAN

2. **Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa jualan dan kegunaan pakaian-pakaian seragam anggota polis dan tentera tidak disalahgunakan oleh penjenayah-penjenayah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pakaian dan peralatan polis dan tentera memang dikawal penjualannya di mana pihak yang diberi permit oleh pihak Ketua Polis Negara sahaja yang boleh menyimpan dan menjual peralatan tersebut. Permit ini hanya diberikan kepada mereka yang telah disahkan tidak mempunyai rekod jenayah dan permit tersebut diluluskan dengan syarat seperti berikut:

- (i) penjualan kelengkapan polis hanyalah boleh dijual kepada pegawai dan anggota polis sahaja.
- (ii) setiap penjualan hendaklah didaftarkan dalam buku pendaftaran dan pembeli pula mesti menandatangani di atas setiap pembelian yang dibuat dan nombor kad kuasa dicatitkan dalam buku pendaftaran; dan
- (iii) buku daftar ini diperiksa dari semasa ke semasa oleh mana-mana pegawai polis yang ditugaskan.

Peruntukan undang-undang dan hukuman yang sedia ada serta peraturan-peraturan yang disyaratkan terhadap penjualan adalah mencukupi untuk menangani masalah ini.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bila ada sesuatu yang dijual mesti ada orang yang memakai. Jadi, baru-baru ini di dalam media massa ada mengatakan bahawa seorang perompak telah menggunakan pakaian polis berpangkat inspektor untuk menyamun ataupun untuk merompak. Apakah cara kerajaan untuk menentang pemakaian ini kepada orang awam kerana pemakaiannya disalahgunakan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara ialah kita meningkatkan kesedaran orang ramai bahawa mengguna atau memakai pakaian polis atau tentera tanpa mematuhi syarat adalah satu kesalahan. Sebelum itu mungkin orang tidak tahu, mereka ingat boleh memakainya bila-bila masa untuk seronok sahaja. Tetapi kalau kesedaran ini ada, maka lebih senang kerajaan untuk menyekat atau mencegah hal-hal yang tidak diingini.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapat makluman yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa ada prosedur-prosedur yang tertentu telah pun diberikan kepada pihak-pihak yang diberi permit khas untuk menjual pakaian anggota keselamatan terutamanya polis.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian peristiwa yang berlaku baru-baru ini, adakah pakaian yang dipakai oleh perompak-perompak ini dibeli daripada kedai-kedai atau pihak-pihak yang telah diberi permit? Adakah pihak-pihak ini telah mengikuti prosedur-prosedur yang ditetapkan dan apa tindakan yang diambil oleh kerajaan, kalau sekiranya pembelian ini berlaku di kedai-kedai yang telah diberi permit oleh kerajaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada satu maklumat yang tepat bahawa perompak ini dapat uniform daripada mana, jadi saya perlukan

notis, akan tetapi baru-baru ini memang ada kedai-kedai yang didapati telah menyeleweng ataupun tidak ikut syarat dan kedai-kedai itu telah pun disiasat serta tindakan sewajarnya diambil oleh pihak polis.

MASALAH BANJIR - PENUBUHAN JAWATANKUASA KHAS BAGI MENGATASI

3. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar mengenai banjir yang tidak terkawal di sekitar kawasan seperti Kuala Lumpur, Lembah Kelang dan Melaka, dan bolehkah beliau mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyelesaikan masalah ini supaya ia tidak berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi oleh kerana tanggungjawab itu lebih kepada Kementerian Pertanian, maka saya mohon izin untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Kementerian Pertanian memang sedar dan peka mengenai masalah banjir di sekitar Kuala Lumpur, Lembah Kelang dan Melaka. Pelbagai langkah telah dan sedang diambil bagi menangani masalah ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan dengan kejadian banjir besar pada tahun 1971, kerajaan telah pun menubuhkan satu suruhanjaya tetap bagi mengawal banjir. Suruhanjaya ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dengan keahliannya terdiri daripada jabatan dan agensi yang berkaitan termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar dan di antara Majlis Keselamatan Negara dan Tenaga Nasional Berhad.

Syarat-syarat rujukan suruhanjaya ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengambil langkah-langkah tebatan banjir dan mengurangkan kejadian banjir. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari semenjak 1972 hingga akhir Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM814.6 juta untuk tebatan banjir di seluruh negara kita.
- (ii) Tugasnya ialah untuk mengurangkan kerosakan dan kehilangan nyawa dan harta benda dalam sesuatu kejadian banjir.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebabnya banjir ini berlaku sama ada ianya berlaku kerana kejadian alam seperti hujan ataupun ada perkara-perkara yang berlaku termasuk pembangunan yang tidak seimbang, kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberitahu sebab-sebab banjir kilat atau banjir yang berlaku secara mengejut dalam negara kita sejak beberapa tahun ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS), bahawa sebahagian besar adalah disebabkan oleh manusia:

- (i) pembangunan yang tidak teratur;
- (ii) pembuangan sampah yang menyebabkan tersumbatnya saliran-saliran yang disediakan; dan
- (iii) tambunan tanah yang tidak begitu teratur sehinggakan berlaku banjir sebagaimana yang kita ketahui.

Adalah diharapkan bahawa dengan adanya rancangan pelan induk bagi sesuatu kawasan sama ada bandar raya, majlis perbandaran, insya-Allah, kita cuba mengatasi dari semasa ke semasa.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan....

Seorang Ahli: Timbalan Menteri Pertanian.

Tuan N. Marimuthu: Timbalan Menteri Pertanian, adakah sudah diluluskan 'National Drainage System' atau belum?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Sistem saliran pengaliran nasional atau peringkat kebangsaan ini memang tidak diluluskan, apa yang kita buat ialah berdasarkan lokasi tertentu. Kita ada pelan perparitan atau saliran induk berdasarkan Majlis Perbandaran, Dewan Bandaraya ataupun Kerajaan Tempatan. Jadi, kita tidak boleh mengadakan pelan nasional yang meliputi seluruh negara, kerana ia mempunyai kelainan masalah-masalahnya.

PERDAGANGAN MALAYSIA DAN ISRAEL - FAEDAH DIPEROLEHI

4. **Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan faedahnya melayani perdagangan dan perniagaan perseorangan dan sektor swasta antara Malaysia dengan Israel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sememangnya berusaha meningkatkan hubungan perdagangan bukan sahaja dengan negara yang menjadi pasaran tradisinya, tetapi juga cuba menjalinkan perhubungan perdagangan dengan rakan pasaran baru. Ini termasuklah negara-negara di rantau Asia Barat.

Kerajaan berpendapat negara Israel bukan sahaja mempunyai pasaran dagangan yang baik, malah boleh juga dijadikan pintu masuk ke negara-negara jirannya.

Melalui hubungan perdagangan dan perniagaan perseorangan dan sektor swasta antara Malaysia dengan Israel adalah diharapkan pihak Malaysia dapat bertapak lebih awal di negara itu dan mendapat faedah dalam peningkatan perdagangan pada masa yang akan datang.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan hubungan terus dengan kerajaan Israel yang baru menang sekarang dengan bertujuan atau maksud untuk menolong bagi pihak kerajaan Palestin (PLO) untuk menyenangkan pemerintahan yang telah pun ditandatangani antara kedua pihak?

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya diamanahkan untuk menjawab hal-hal perdagangan, [*Ketawa*] tetapi dari segi perdagangan dan kementerian kami memang pada masa ini Malaysia tidak mempunyai sebarang eksport ke Israel. Namun begitu terdapat beberapa syarikat yang mengimport barangan-barangan tertentu seperti Syarikat Motorola dan Syarikat Texas. Tetapi kita telah membuat pendekatan bahawa untuk melonggarkan kawalan pelesenan import dan eksport daripada negara Israel dengan pendekatan yang pragmatik dan proaktif.

Seperti saya sebutkan kepada soalan asal tadi, bahawa kita melihat negara Israel dari segi perdagangan adalah satu pintu masuk ke negara-negara jirannya dan banyak faedah yang boleh kita dapati. Sekiranya kita dapat bertapak lebih awal, maka atas kesedaran itu sahaja bahawa dasar perdagangan dan industri telah membuat hubungan dengan negara Israel.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita ini acah tak acah sahaja. Kita hendak berbaik, tetapi sebaliknya pula kita cuba menahankan diri kita jangan berbaik. Mengapa pihak kerajaan tidak mengadakan 'trade mission' dengan izin, dengan Israel terus? Sebab pihak kerajaan berkata tadi, memang kita hendak menggalakkan, memang kita hendak bertapak awal-awal lagi. Ini mengapa pula kita berselindung. Lagi pun dengan Israel, kalau kita import sahaja banyak, kita eksport tidak ada juga, saya rasa. Kita mesti menggalakkan eksport kita. Israel negara yang kecil, tetapi canggih. Jadi, saya harap kerajaan mengkaji betul-betul, kalau hendak acah tak acah, acah betul. *[Ketawa]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedang kaji sedalam-dalamnya. Tetapi kita harus juga terima hakikat bahawa dalam perdagangan, risiko-risiko seperti risiko kestabilan politik dan suasana iklim pelaburan juga harus diambil kira. Tidak boleh dinafikan bahawa keadaan semasa di Asia Barat memang tidak begitu positif, sama juga di negara Bosnia sebagai contoh. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kita tidak boleh mengorak langkah untuk menggunakan pendekatan dan kehebatan yang ada di segi hubungan kita. Jadi, selain daripada mengkaji iklim dan suasana, dan juga sokongan dan kemahuan pihak-pihak swasta melaburkan diri dan melibatkan diri secara langsung dengan syarikat-syarikat dan negara-negara tertentu, kita harus juga memikirkan dari segi keseluruhannya dan risiko-risiko yang harus diambil. Maka sebab itulah saya menyatakan bahawa kejayaan kerajaan kita pada hari ini sedikit-sebanyak ialah dari segi pendekatan pragmatik kita dan dasar-dasar yang proaktif tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana Dato' Zuki, cukup acah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Acah sahaja.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Sudah cukup acah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia acah sahaja tadi.

QUARTERS KERAJAAN - JUMLAH DI K.L.

5. **Datuk Haji Hashim bin Safin** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah rumah kerajaan (government quarters) bagi seluruh negara. Berapakah jumlah untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dari jumlah yang ada, berapakah jumlah yang terbiar. Apakah langkah yang akan diambil kepada rumah-rumah kerajaan yang terbiar itu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb. Mei, 1996 jumlah rumah kerajaan yang ada di seluruh negara yang ada di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak 124,242 buah. Daripada jumlah tersebut bilangan rumah-rumah kerajaan yang terdapat di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur ialah sebanyak 13,406 buah. Ini meliputi rumah-rumah khas jabatan di bawah kawalan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tertentu. Daripada 13,406 buah rumah kerajaan yang ada di Kuala Lumpur, sebanyak 2,449 buah terletak di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri. Daripada jumlah yang tersebut di atas terdapat 184 buah rumah yang kelihatan seperti terbiar.

Tindakan tertentu sedang diambil ke atas 184 buah rumah tersebut, iaitu 110 buah rumah akan dirobuhkan, kerana terlibat dengan pembangunan projek baru kerajaan, 70 buah sedang dalam tindakan untuk dibaikpulih, dan 4 buah lagi akan diroboh setelah disahkan oleh JKR, di mana rumah-rumah tersebut tidak sesuai lagi untuk didiami.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa kebanyakan rumah-rumah kerajaan yang terletak di kawasan komersil yang strategi. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk menggunakan kawasan-kawasan ini untuk kegunaan komersil?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan bahawa 110 buah rumah di antara rumah-rumah tersebut akan dirobohkan kerana kerajaan akan membuat satu projek yang kita panggil Dataran Perdana, yang mana telah dikosongkan rumah-rumah tersebut sejak tahun 1995 lagi. Tetapi projek ini sekarang belum dimulai lagi, iaitu di mana rumah-rumah tersebut adalah terletak di Bukit Emby, Kuala Lumpur, itu di antaranya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan pada masa ini mempunyai satu dasar yang munasabah untuk mengelak daripada berlaku banyak pembaziran melalui agensi-agensi kerajaan, seperti jentera-jentera kenderaan, mEsin dan sebagainya yang kalau kita lihat sekarang ini di seluruh negara seolah-olah berlaku pembaziran yang tidak perlu?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab mengenai rumah. Ini mesin pula, jadi saya minta maaf. *[Ketawa]* Saya tidak dapat menjawab.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa beliau pun acah juga.

KABEL ELEKTRIK BERKUASA TINGGI - KESAN KEPADA KESIHATAN

6. **Tuan Ng See Tiong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bagaimanakah kerajaan memberi jaminan bahawa kabel elektrik berkuasa tinggi tidak mengeluarkan medan elektromagnetik (EMF) yang membahayakan kesihatan kepada penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas ke atas laporan-laporan kajian yang dijalankan oleh institusi dan agensi antarabangsa yang terkemuka mendapati bahawa tidak terdapat bukti kukuh dan conclusive yang menunjukkan dengan pasti medan 'Elektrik Magnatic Fuse' (EMF) dengan izin, akan menjejaskan kesihatan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah kerajaan memberi galakan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan di bawah atau di kawasan berhampiran kabel elektrik yang berkuasa tinggi?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, ikut Akta Bekalan Elektrik, segala kegiatan yang dijalankan di bawah kabel penghantaran voltan tinggi mesti mendapat kebenaran terlebih dahulu dari pihak berkuasa, iaitu TNB untuk keselamatan orang-orang yang menjalankan aktiviti itu. Walau bagaimanapun, pihak TNB memang ada garis panduan tentang perkara ini. Misalan kata kalau sekira sesuatu projek pertanian diluluskan, pokok yang ditanam itu tidak dibenarkan melebihi 8 kaki. Pihak TNB memang menggalakkan orang-orang yang berkenaan khususnya tuan tanah untuk menjalankan kegiatan yang dapat mendatangkan untung kepada mereka yang berkenaan, tetapi kena ikut peraturan.

SYARIKAT BROKER SAHAM - GAJI KAKITANGAN

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah gaji kakitangan di syarikat broker saham di seluruh negara tidak diselaraskan mengikut kelulusan dan pengalaman, sepertimana yang dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan yang lain, contohnya bank-bank.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, gaji kakitangan di syarikat broker saham adalah tertakluk kepada terma perkhidmatan dan polisi dalaman sesuatu syarikat broker, iaitu berasaskan konsep pasaran terbuka. Kedudukan gaji seumpama ini adalah menjadi amalan biasa

bagi syarikat-syarikat broker saham di negara-negara lain. Ini adalah penting kerana ia bukan sahaja menggalakkan daya saingan, malah juga untuk memastikan bahawa pasaran modal negara dapat menarik calon-calon yang berkelayakan untuk turut serta menceburi pasaran.

Sebaliknya, dalam urusan perbankan, keuntungan yang diperolehi oleh bank-bank secara amnya adalah daripada kegiatan-kegiatan yang secara relatifnya stabil dan jenis perkhidmatan yang disediakan di antara satu bank dengan bank yang lain tidak banyak perbezaannya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengawasi pengurusan kewangan di syarikat-syarikat broker saham ini supaya tidak menjadi tempat perjudi yang merugikan pelabur-pelabur kecil di tiap-tiap negeri.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, banyak langkah-langkah yang diambil. Tadi Yang Berhormat tanya dua - satu, pengurusan syarikat broker saham itu sendiri dan yang keduanya spekulasi dalam KLSE dan bukan dalam broker saham. Jadi, mengenai dengan pengawalan pengurusan memang telah ada syarikat-syarikat broker saham ini didaftarkan di bawah Registrar of Companies. Jadi, dia perlu wujud satu audit iaitu audit dalam dan audit luar selepas pengauditan dipamerkan kepada umum. Jadi, inilah satu daripada cara-cara untuk pengawasannya. Mengenai dengan pengawasan undang-undang yang lain, memang kita ada akta ROC sendiri iaitu Akta Syarikat, Securities Industries Act, Financial Industries Act, Securities Commission Act. Semua itu dikhususkan untuk pengawalan syarikat-syarikat ini.

Mengenai dengan soal spekulasi yang berlaku dalam KLSE memang kerajaan telah mewujudkan satu peraturan. Mana-mana kaunter yang menunjukkan kenaikan dalam masa sehari ataupun 30% daripada harga yang sebelum itu akan di 'designate'kan, dengan izin, ataupun ditandakan oleh pihak securities commission untuk diambil tindak dan dibuat siasatan.

TANAH PERTANIAN TERBIAR - LUAS KAWASAN

8. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Pertanian menyatakan berkenaan kawasan pertanian (sawah padi, kampung tradisional) yang terbiar dan tidak diusahakan. Adakah pihak kementerian bercadang memulih kawasan-kawasan tersebut menjadi produktif dan berpotensi ekonomi penduduk tempatan selain daripada mencukupkan keluaran pertanian untuk kegunaan tempatan dan bagi maksud eksport.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kawasan tanah terbiar pertanian adalah dianggarkan seluas 561,000 hektar di seluruh negara. Kerajaan sedang dan akan mengambil langkah-langkah bagi memulih dan mempertingkatkan produktiviti tanah-tanah terbiar, terutamanya bagi pengeluaran tanaman makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman jangka pendek yang lain. Langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (a) mewujudkan sistem maklumat tanah terbiar yang lebih teratur. Maklumat ini dapat digunakan oleh pihak yang ingin menyewa dan mengusahakan tanah terbiar berkenaan;
- (b) pembangunan tanah terbiar akan diperhebatkan lagi melalui program penyatuan dan pemulihan tanah untuk meningkatkan produktivitinya. Pertubuhan Peladang Kawasan, Felcra dan sektor swasta, khususnya syarikat dan usahawan bumiputera adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam pembangunan tanah terbiar; dan
- (c) penguatkuasaan undang-undang Kanun Tanah Negara dan peraturan-peraturan berkaitan dengan tanah terbiar.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan luasnya tanah terbiar di negara kita ini, adakah pihak kerajaan membuat unjuran dari segi keselamatan makanan (food security) yang sekarang ini sedang dibincangkan di seluruh dunia, apabila naiknya dan meningkatnya penduduk-penduduk di negara ini, adakah kita self-sufficient atau melebihi keperluan dan kalau ianya mempunyai sasaran, bilakah masanya kita memberhentikan mengimport barang-barang makanan dan menjadi net exporter pula kepada negara-negara yang lain?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Memang Kementerian saya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh telah menggariskan bahawa tanaman komersil akan dijalankan secara besar-besaran menerusi penglibatan pihak swasta bagi mengeluarkan bahan-bahan makanan. Namun demikian, pengeluaran beras negara akan digariskan hanya sekadar 65% sahaja. Ini bermakna jelapang-jelapang padi yang ada di seluruh negara akan ditingkatkan produktiviti supaya pengeluaran itu mungkin bertambah, tanpa menambahkan keluasan tanah dan tumpuan yang diberi kepada tanah terbiar sebagaimana yang saya katakan untuk pengeluaran selain dari padi.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang kerap menjadi mangsa pembangunan industri ialah kawasan sawah-sawah padi yang terbiar. Saya pernah berada sebagai Ahli Majlis di dalam Kerajaan Tempatan, anehnya saya tidak pernah dengar bantahan-bantahan daripada sektor pertanian tentang pengambilan tanah-tanah ini. Jadi, saya hendak tahu daripada Kementerian Pertanian, adakah mereka seronok melihat kawasan sawah padi ini makin lama makin berkurangan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya akan merayu kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya pengambilan balik hendaklah dielakkan ke atas tanah-tanah sawah yang dianggap sebagai jelapang padi, yakni tanah sawah yang lengkap dengan perairan, sistem saliran dan sebagainya. Namun demikian, Kementerian tidak boleh menghalang sepenuhnya kerana sesetengah kawasan sawah itu berada di tengah-tengah kawasan bandar atau bandar raya. Jadi, setidak-tidaknya sedikit sebanyak mungkin kita terpaksa bertolak ansur dalam soal-soal hendak membangunkan negara kita. Namun demikian, sebagaimana yang saya tegaskan Kementerian saya akan berusaha ke arah meningkatkan produktiviti. Walaupun tanah sudah bertambah, tetapi pengeluaran padi sekarang ini lebih kurang 3.5 tan per hektar sekali tuai akan ditingkatkan kepada 6 tan kerana sesetengah kawasan sudah dapat 8 tan, tetapi national averagenya ialah 3.5 tan sahaja. Saya yakin dan percaya di bawah pengurusan swasta dan juga estate management ini, dengan izin, kita akan dapat meningkatkan pengeluaran padi tanpa memperluaskan kawasan.

PEJABAT/WAKIL POS DI LADANG - CADANGAN

9. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau bercadang mewujudkan sebuah pejabat pos atau wakil pos di setiap ladang di negara ini. Jika ya, apakah rancangannya dan jika tidak, kenapa.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Pos Malaysia memang ada membuat perancangan di dalam memberikan perkhidmatan pos di seluruh negara. Perancangan di dalam menambahkan outlet post, dengan izin, adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti kepadatan penduduk, aktiviti ekonomi dan jarak jauh di antara satu pejabat pos, pos mini, wakil penjual setem dengan pejabat pos, pos mini, wakil penjual setem yang lain.

Kriteria-kriteria yang diambil kira di dalam penubuhan rangkaian pos adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan sebuah pejabat pos bagi setiap bandar atau kawasan yang mempunyai penduduk tidak kurang dari 10,000 orang;
- (ii) menubuhkan sebuah pejabat pos mini bagi kawasan yang mempunyai penduduk tidak kurang dari 3,000 orang. Keutamaan akan diberikan di kawasan-kawasan Felda, ladang dan lain-lain lagi;
- (iii) perwakilan pos yang maju akan dinaikkan taraf menjadi pejabat pos mini dan bagi perwakilan yang kurang maju pula ditukarkan kepada wakil penjual setem sahaja;
- (iv) mengeluarkan seberapa banyak lesen penjual setem kepada pekedai runcit, syarikat dan sebagainya.

Di dalam menentukan penubuhan pos mini dan wakil pos, orang ramai yang berminat boleh memohon dari Pejabat Pengurus Negeri. Keutamaan akan diberi kepada pengusaha-pengusaha kedai runcit.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Wakil pos memang mustahak, perlu dan penting kepada kawasan luar bandar, kampung-kampung atau kampung-kampung baru. Tetapi saya difahamkan bahawa tidak ada orang hendak jadi wakil pos. Jadi, soalan saya ialah mengapa keadaan ini berlaku dan bagaimana mengatasinya?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju tentang kenyataan tidak ada orang hendak jadi wakil pos. Tetapi saya setuju di kawasan luar bandar orang memang kurang minat dilantik sebagai wakil pos. Ada beberapa sebab.

Pertamanya, komisen yang diberikan kepada wakil pos adalah tidak begitu mengalakkan.

Kedua, wakil pos di luar bandar, khususnya mereka di kawasan pedalaman di negeri Sarawak dan negeri Sabah, oleh kerana jumlah penduduk yang begitu kecil sekali, maka volume of business pun amat terhad sekali. Wakil pos cuma dibenarkan untuk menjual setem dan menerima surat dan bungkusan sahaja, maka volumenya amat terhad sekali.

Saya diberitahu ada wakil pos di kawasan pedalaman sudah menyimpan setem begitu lama sampai 'out dated', ada yang sampai warna pun sudah bertukar. [Ketawa] Maka susah hendak cari makanlah bagi wakil pos di kawasan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak. Kerajaan memang sedar perkara ini dan saya telah pun mengadakan perundingan dengan pihak Pos Malaysia Berhad supaya mencari jalan, misalan kata mengkaji tentang possibility untuk menaikkan commission kepada mereka dan satu lagi untuk mengenal pasti tempat yang betul-betul di kawasan pedalaman supaya kita memberikan elaun tetap kalau sekiranya boleh. Perkara ini masih dalam perundingan dengan pihak Pos Malaysia.

KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM - KEBERKESANAN PROGRAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

10. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Perdana Menteri menjelaskan program untuk pembangunan sumber manusia dan penerapan nilai-nilai murni ke arah membentuk sikap positif di kalangan kakitangan Perkhidmatan Awam. Apakah program tersebut mencapai matlamatnya dan memberi kesan yang diharapkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan akan terus melaksanakan program-program pembangunan sumber manusia dan penerapan nilai-nilai murni ke arah membentuk sikap positif di kalangan kakitangan perkhidmatan awam. Umpamanya, melalui Total Quality Management, dengan izin, Etika Perkhidmatan

Awam, Konsep Perkhidmatan Cemerlang, Penerapan Nilai-nilai Murni, Gerakan Budaya Cemerlang, Program Peningkatan Produktiviti, ISO 9000, Program Motivasi dan sebagainya.

Program-program yang ditelah dilaksanakan ini pada umumnya telah mencapai matlamat dan memberi kesan yang diharapkan. Ini terbukti melalui sikap tekun bekerja dan etika kerja tinggi yang telah ditunjukkan oleh pegawai-pegawai kerajaan, keberkesanan penyampaian perkhidmatan kaunter, peningkatan perkhidmatan di pejabat-pejabat daerah dan sebagainya. Di samping itu, indikator-indikator dari segi pencapaian dan keberkesanan program tersebut boleh juga dilihat dari segi kecilnya bilangan pelanggaran etika kerja dan tatakelakuan di kalangan anggota-anggota perkhidmatan awam.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah ukuran ataupun indikator yang digunakan oleh kerajaan bagi menentukan kualiti dan produktiviti yang dihasilkan oleh sesuatu jabatan dan berapa ramaikah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan tatatertib?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, indikator-indikator dari segi pencapaian dan keberkesanan program ialah dari segi hasil kerja yang dicapai oleh jabatan-jabatan yang terlibat, dari segi penglibatan pegawai-pegawai dalam jabatan yang berkenaan menjalankan kerja dan dari segi kepuasan hati pelanggan-pelanggan yang pergi ke jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi, saya boleh memberitahu di luar Dewan.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota perkhidmatan awam yang dikenakan tindakan tatatertib kalau kita bandingkan peratusannya terlalu kecil, contohnya, macam kakitangan kita berada 448,000 lebih, peratus yang dikenakan tindakan tatatertib tidak sampai 0.3%. Misalannya dalam tahun 1993, kakitangan 433,478 orang, yang dikenakan hukuman tindakan tatatertib sebab-sebabnya banyakkah, ada yang dikenakan amaran, potong gaji, buang kerja, tangguh gaji dan banyak lagi, sampai sembilan atau sepuluh, hanya sebanyak 886 orang iaitu 0.20%.

Tahun 1994 daripada 448,070 kakitangan, yang dikenakan tindakan tatatertib hanya 732 orang bererti 0.16%. Inilah merupakan satu tindakan tatatertib yang tidak begitu ramai yang terkena kepada kakitangan awam kita di Malaysia ini. Ini menunjukkan mereka bekerja dengan tekun dan rajin.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan program motivasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Adakah program ini menggalakkan majlis-majlis di mana pegawai-pegawai dibawa berkhemah di hotel-hotel mewah dan juga resort-resort percutian yang mewah dan mendengar ceramah-ceramah yang dibayar dengan mahal oleh penceramah terkemuka dari seluruh dunia yang tidak mendatangkan manfaat ataupun kesan sebagaimana yang diharapkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ada kena mengena dengan soalan asal atau tidak?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Sedikit-sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi lumrah manusia semula jadi, mereka memang ingin kepada tempat-tempat yang menarik dan ceria. Dan memang ramai di antara pegawai-pegawai kita yang bekerja bertungkus lumus kadangkala di tempat-tempat yang begitu tidak menyeronokkan. Maka pada pendapat kerajaan, kalau sekali-sekala kita mengadakan perjumpaan di tempat-tempat yang mewah sedemikian rupa, kita beranggapan ini adalah memberikan satu rangsangan kepada mereka. Maka kita tetap berpendapat bahawa ada memberi kesan kepada kakitangan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, lebih kurang kata Tuan Haji Hamzah tadilah!

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ha! Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang hidup!

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Ha, itu saya tidak berapa bersetuju!
[Ketawa]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya lagi. Adakah kerajaan sedar bahawa ...

Tuan Yang di-Pertua: Oh, Tuan Haji Abu Bakar, tadi sudah ada sekali ya? Saya ingat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah ada soalan tambahan sekali, kalau hendak minta penjelasan daripada jawapan tadi boleh juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, saya hendak minta penjelasan.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ekoran daripada jawapan dari Dato' Haji Muhamad tadi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya. Kita dapati kerajaan mengamalkan penghantaran pegawai-pegawai pergi berkursus itu, ke-banyakannya pegawai yang sama dan amalan mengadakan terlalu banyak mesyuarat pun membazirkan masa dan waktu bekerja. Apa pandangan kerajaan dalam masalah ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Kita memberi kursus kepada orang yang sama kerana kursus itu adalah bersambungan.
[Ketawa] Kalau kita berikan kepada orang yang baru sudah barang tentu tidak memberi kesan kepada orang yang baru. Tetapi kalau kursus yang baru mungkin kita bukakan kepada orang yang baru. Jadi, memang kita lakukan perkara-perkara yang disebutkan ini.

Soalan yang kedua, berkenaan mesyuarat yang terlalu kerap.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. memerintah, maka kerja yang paling banyak beliau buat ialah bermuzakarah dan bermesyuarat dengan sahabat-sahabatnya. Beliau jarang-jarang sekali mengambil tindakan dengan sesuka hatinya melainkan setelah mendapat pandangan daripada sahabat-sahabatnya. Maka pada saya, tidak salah kalau sekiranya jabatan-jabatan melakukan perkara ini berbincang dan bermesyuarat dengan kakitangan, kemudian kita membuat kerja adalah dengan keputusan ramai. Maka ini adalah amat besar maknanya dan memberi kesan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Hebat! Dato' Haji Muhamad bin Abdullah.

PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA - PELAKSANAAN

11. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) untuk memantapkan pemikiran, disiplin, daya tahan menerima pengaruh luar, penyayang dan lain sifat baik di kalangan anak muda lepasan Tingkatan V, tidak adakah rancangan kementerian untuk menyusun strategi dan melaksanakan program tersebut. Jika ada, apakah bentuknya dan melalui saluran manakah program ini hendak disalurkan; dan
- (b) tidak adakah rancangan kerajaan untuk menggerakkan pertumbuhan-pertumbuhan belia yang sekarang ini banyak

terdapat di peringkat-peringkat kampung, daerah, negeri dan pusat kelihatan terbiar dan tidak dipedulikan. Pertubuhan-pertubuhan belia tersebut iaitu Gerakan Belia 4B, Belia MAYC, Belia BELL, Belia YNAM dan lain-lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah merangka Program Memperkasa Pembangunan Belia yang memberi tumpuan khusus bagi memantapkan disiplin, daya tahan, berketrampilan dan sebagainya kepada generasi muda terutamanya pelajar-pelajar lepasan sekolah.

Di dalam Program Memperkasa Pembangunan Belia, Kementerian Belia dan Sukan menekankan kepada tujuh program teras iaitu Program Pimpinan Perdana, Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Usahawan, Pembangunan Sahsiah, Penjaringan Antarabangsa, Penyelidikan dan Pembangunan Fizikal serta Program Rakan Muda.

Program-program teras atau utama ini bertujuan untuk:

- (i) mempergiatkan usaha membentuk generasi muda yang dinamik, kreatif, berwawasan, keusahawanan dan berbudaya tinggi berasaskan penguasaan ilmu, kemahiran dan teknologi serta sistem maklumat terkini;
 - (ii) menyemarakkan aktiviti-aktiviti belia, terutamanya latihan-latihan tidak formal dengan menekankan kesedaran pendidikan bertunjangkan kekuatan agama dan moral dengan ciri-ciri keMalaysiaannya;
 - (iii) memantapkan pimpinan pelapis di kalangan belia yang berwibawa dan dinamik bagi memenuhi tuntutan cabaran semasa dan perubahan masa depan; dan
 - (iv) memperkukuhkan rangkaian dan kerjasama antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta dalam menjayakan Agenda Pembangunan Belia.
- (b) Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan Pembangunan NGO's atau Pertubuhan Bukan Kerajaan dengan Program Rakan Muda dengan tujuan menggerakkan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat kampung, daerah dan negeri.

Kementerian Belia dan Sukan juga sedang menyusun semula dasar pemberian bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan di semua peringkat bagi menyemarakkan lagi Agenda Pembangunan Belia di negara ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah kesemua program teras, yang disebut 7 tadi dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan? Kalau ada, bolehkah pihak kerajaan menunjukkan satu atau dua bukti yang mengatakan sebahagian daripada program teras itu telah dilaksanakan?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya kira hanya kerajaan sahaja yang mendokong cita-cita yang didapati dalam program ini, memang saya kira tidak terpikul oleh kerajaan oleh kerana pihak kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak persatuan, NGO's, swasta dan masyarakat serta rakyat

jelata. Jadi, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa pihak kerajaan, khususnya Kementerian Belia dan Sukan memang tidak boleh menjayakan program ini jikalau tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pihak yang lain.

Tentang bukti itu, saya ingin menyatakan di sini bahawa ini adalah di antara program yang baru dimulakan oleh pihak kementerian dan mungkin agak awal untuk kita memberi satu bukti bahawa ianya berjaya atau tidak, tetapi insya-Allah, kami di Kementerian Belia dan Sukan mempunyai keyakinan bahawa semua program kami akan mencapai kejayaan jika diberi sambutan oleh semua yang terlibat.

Tuan Haji Jamaluddin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerana ramai belia ini menyertai aktiviti-aktiviti belia, adakah Kementerian Belia menyediakan insurans sekiranya belia-belia yang memasuki aktiviti ini menerima accident ataupun sebagainya?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya juga, seperti rakan saya tadi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana bertanya satu soalan yang begitu bernas. Saya rasa bahawa setahu saya setakat ini tidak ada mana-mana persatuan yang mengambil insurans secara khusus, tetapi saya ingin meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa selepas dia keluar daripada Dewan ini, saya akan kaji dengan begitu terperinci pendapat yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang bernas?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang begitu bernas. *[Ketawa]*

PUSAT LATIHAN BOMBA BERTARAF AKADEMI - CADANGAN PENUBUHAN

12. **Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan pusat latihan bomba bertaraf akademi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia memang bercadang untuk meningkatkan Pusat Latihan Bomba Malaysia ke taraf yang lebih tinggi. Rancangan ke arah ini telah pun bermula semenjak 1965 yang lalu sejajar dengan penyusunan semula organisasi Jabatan Bomba keseluruhannya.

Sebagai permulaan, kemudahan bagi latihan pengkhususan operasi kebombaam telah pun diadakan. Sebagai langkah selanjutnya, Jabatan Perkhidmatan Bomba sedang berunding dengan institusi-institusi pendidikan tinggi untuk bekerjasama untuk mengadakan latihan bertaraf kelayakan akademik dalam ilmu kebombaam.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kerana penerangan yang diberikan oleh pihak kementerian tadi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dari segi bomba ini, adakah Jabatan Bomba telah pun mempunyai persediaan untuk menghadapi apa-apa kemalangan ataupun kecemasan yang berlaku yang melibatkan bangunan-bangunan yang sekarang ini di mana bangunan yang ada di negara kita merupakan bangunan yang tertinggi di dunia?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak bomba, kalau kita hendak kirakan dari segi persiapan dari segi alat, tidak mungkin kita akan dapat menyediakan kelengkapan yang cukup oleh kerana ia memerlukan peruntukan yang agak besar. Tetapi, sebagai sebuah negara yang kecil dan tidak mampu untuk menyediakan peralatan yang canggih, kita mengambil tindakan

yang boleh memanfaatkan kita walaupun belanjanya kecil iaitu dari segi pencegahan dan juga dari segi latihan yang lebih baik.

Misalnya KLCC yang tingginya lebih kurang 84 tingkat, sedangkan tangga bomba kita hanyalah sampai ke tingkat 14. Jadi, kalau pun kita ada kereta bomba ini, tetapi tidak mungkin kita akan dapat memadamkan api di tingkat yang ke-40, apatah lagi kalau tingkat 84. Jadi dengan itu, lebih baik kita menyediakan peralatan dari segi pencegahan. Misalnya, dari segi peralatan dalaman yang boleh tahan dimakan api, misalnya mengambil masa yang lebih lama dan kita menyediakan pintu-pintu yang boleh menahan kebakaran dan sebagainya.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila berlaku sesuatu kebakaran, anggota-anggota bomba baru mendapat tahu bahawa water hydrant yang hendak digunakan itu sudah jam dan tidak ada air yang keluar. *[Ketawa]* Tidakkah pihak kementerian menjalankan pemeriksaan setiap masa?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak bomba mengadakan pemeriksaan dari semasa ke semasa, tetapi mungkin dalam masa pemeriksaan ini, ada yang tertinggal dan sebagainya. Maka itulah sebabnya apabila berlaku kebakaran, memang ada pili-pili bomba ini yang tidak mengeluarkan air.

Tetapi dari segi kebiasaannya, memang kita mengadakan pemeriksaan dan kita juga berhasrat untuk menambah lebih banyak lagi pili bomba supaya apabila berlaku kebakaran, pili bomba ini tersedia untuk digunakan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE AUSTRALIA - HASIL PERTEMUAN

13. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil pertemuan singkat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri baru Australia dalam "stopover" beliau ke negara itu baru-baru ini. Adakah ini petanda bermulanya satu ikatan semula hubungan erat Malaysia dengan Australia dalam pelbagai bidang menjelang abad ke-21.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, pertemuan singkat di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri baru Australia, John Winston Howard di Brisbane pada 29hb. Mac 1996 lalu merupakan salah satu usaha untuk mengeratkan lagi hubungan kedua-dua pemimpin dan dalam usaha menjalinkan hubungan dua hala yang lebih baik.

Encik Howard telah menyatakan hasrat kerajaan pimpinan beliau untuk meneruskan hubungan baik di antara Malaysia dan Australia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga percaya bahawa kerajaan baru Australia nampaknya mempunyai keikhlasan untuk berbaik-baik dengan negara Asia amnya dan Malaysia khususnya.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Australia yang mana merangkumi pelbagai bidang termasuklah perdagangan, pelaburan, pendidikan, pertahanan, sains dan teknologi, kebudayaan dan sukan berada di tahap yang erat.

Keseluruhannya, hubungan ini akan dapat ditingkatkan lagi di masa-masa hadapan dengan wujudnya persefahaman dan saling hormat-menghormati di antara kedua-dua negara.

EMPANGAN BAKUN - MENGURANGKAN PENUTUPAN HUTAN DAN PENGELUARAN 'GREEN GASES'

14. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada memotong dan membersihkan kawasan tanah seluas 73 milion meter bagi membina Empangan Bakun akan mengurangkan penutupan hutan;

mengapa cuaca di sekitar kawasan berkenaan mengeluarkan “green gases” daripada pokok yang terbiar dan reput serta merosakkan kecantikan semula jadi kawasan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat iaitu sahabat saya, soalan ini menimbulkan kekeliruan.

Saya ingin membetulkan sekiranya benar apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu iaitu 73 million meter maka kawasan hutan ini terlampau panjang, ianya boleh mengelilingi dunia beberapa kali. Sekiranya maksudnya 73 million square metres, maka keluasannya bersamaan dengan 18,038 ekar atau 7,300 hektar - amat kecil sekali untuk sesuatu projek empangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembinaan Empangan Bakun meliputi kawasan penanaman pindah dan penanaman kekal seluas 12,300 hektar atau 17.7%. Kawasan belukar seluas 31,700 hektar atau 45.5% dan kawasan hutan campuran bukit di mana pembalakan telah dijalankan seluas 25,640 atau 36.8%. Oleh itu, kawasan yang akan ditenggelami air bagi empangan ini ialah seluas 69,640 hektar. Objektif pembersihan kawasan tersebut adalah untuk:

- (i) mengambil hasil-hasil hutan yang bernilai seperti kayu balak sebelum kawasan tersebut ditenggelami air;
- (ii) mengurangkan penghasilan atau pengeluaran gas beracun akibat anaerobic decomposition tumbuh-tumbuhan yang ada pada dasar empangan; dan
- (iii) membolehkan kawasan-kawasan tebing empangan untuk dimajukan sebagai tempat-tempat peranginan atau rekreasi.

Kawasan takungan seluas 69,640 hektar ini hanya 4.6% dari keluasan kawasan tadahan bagi Empangan Bakun iaitu seluas lebih 1.5 juta hektar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setahu saya tidak benar wujud kawasan hutan yang mengeluarkan ‘green gases’. Namun begitu, ada istilah ‘kesan rumah kaca (green house gases)’. Sekiranya Yang Berhormat maksudkan ‘green gases’ maka setakat ini tidak ada keadaan di mana cuaca di sekitar sesuatu kawasan itu mengeluarkan green gases daripada pokok yang terbiar dan reput serta merosakkan kecantikan semula jadi kawasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Johan O.T Ghani. Datuk Johan atau John mana satu?

Datuk Johan O.T. Ghani: Johan.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Johan O.T. Ghani.

Datuk Johan O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Bakun ini banyak diceritakan atau banyak dikemukakan dalam Dewan ini, kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini khususnya dari negeri-negeri yang lain tidak tahu di manakah letaknya Bakun dan bagaimanakah keadaannya di situ? Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada kementerian Yang Berhormat supaya dapat mengatur satu rombongan Ahli Dewan Negara untuk melawat Bakun ini. *[Ketawa] [Tepuk]*

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menyampaikan permohonan Ahli Yang Berhormat kepada pihak pemaju, saya harap permohonan ini akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk disampaikan kepada ‘pemaju’ bukan untuk kementerian membuat keputusan ya? *[Ketawa]* Ya, Tuan Frankie Chong Yu Chee, sila. Tadi ada bangun tak?

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyaknya tuduhan mengenai pencemaran alam sekitar dengan projek Bakun ini, saya ingin mendapat tahu dari pihak kementerian, adakah dibuat sesuatu penyelidikan atau kajian peratusan pencemaran alam sekitar yang sebenarnya akan berlaku akibat daripada projek ini?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga melalui Natural Resources Environment Board (NREO) atau (NREB) telah mengambil kira melalui EIA atau kesan ke atas alam sekitar ini, EIA ini telah meneliti tentang kesan atau hasil dari pembangunan ini dan segala tindakan atau pencegahan akan diambil untuk mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku. Ini memang ada dalam kajian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 27 akan dijilid dalam buku berasingan].

USUL

MENYUSUN SEMULA ATURAN URUSAN MESYUARAT MENGIKUT PERATURAN MESYUARAT 13(2)

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) perbahasan ke atas Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996 (DR.3/96) yang dijadualkan sebagai No. 6 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah diletakkan sebagai No. 3 dan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995 disusun semula sebagai No.6.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah Usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(2) perbahasan ke atas Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996 (DR.3/96) yang dijadualkan sebagai No. 6 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah diletakkan sebagai No. 3 dan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995 disusun semula sebagai No.6

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (PEMBUBARAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (27hb. Mei, 1996)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman sila sambung ucapan.

3.38 ptg.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula sokongan saya terhadap Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita dimaklumkan kejayaan UDA setakat ini merupakan satu kejayaan yang amat mengembirakan kerana ianya telah pun mencapai khazanah kekayaan. Saya difahamkan lebih kurang berjumlah RM1.4 bilion. Walau bagaimanapun, kalau kita meneliti pencapaian UDA dari segi matlamatnya, kita masih lagi curiga adakah kejayaan ini merupakan kejayaan yang dapat dibanggakan kerana setakat ini saya difahamkan di dalam Dewan yang mulia ini, dari segi ruang niaga sahaja di bandar Kuala Lumpur atau di kota raya ini bumiputera hanya mampu mempunyai lebih kurang 5% sahaja dan ianya tidak mencerminkan struktur penduduk di negara ini?

Kita juga difahamkan UDA setakat ini mempunyai 9 anak syarikat, dan ada pula anak syarikat ini tidak menjalankan tanggungjawab dari segi merombak kembali struktur pembangunan di sekitar bandar. Saya lihat di dalam laporan tahunan UDA yang terbaru, saya rasa laporan tahun 1994, kita dapati UDA mempunyai anak-anak syarikat, dan salah satu daripadanya adalah syarikat yang bertanggungjawab menjalankan tugas keselamatan (security) mungkin hendak menjaga harta UDA. Tetapi perkara semacam ini, saya rasa tidak begitu relevan untuk UDA menyertainya. Dan yang paling menghairankan lagi, baru-baru ini kita dengar juga UDA terlibat di dalam membangunkan kawasan padang golf dan pengurusan padang golf di Bertam dan di beberapa tempat. Ini juga saya rasa tidak menepati tanggungjawab yang diberikan oleh pihak kerajaan pada tahun 1971, di mana objektif UDA waktu itu ialah berfungsi dan berteras kepada merombak kembali struktur penduduk di dalam kawasan bandar, struktur ruang niaga di kawasan-kawasan bandar.

UDA pada satu ketika kita amat kagum kerana ianya berjaya mengumpulkan harta-harta yang strategik. Kita faham bahawa satu ketika UDA mempunyai satu syarikat yang dinamakan ‘Perimba’.

Tuan Yang di-Pertua: Peremba.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Peremba. Peremba ini mempunyai dua hotel, kalau saya tak lupa, iaitu dahulunya dinamakan The Regent dan sekarang dipanggil Park Royal, dan juga ‘Hotel Shangri-la’ dan UBN Tower. Kawasan bangunan yang strategik ini pada ketika yang sama telah pun dilepaskan oleh PEREMBA kepada pihak-pihak tertentu, individu-individu tertentu, pihak swasta kononnya.

Begitu juga saya difahamkan Vision City di Kampung Baru merupakan satu kawasan tanah yang kepunyaan UDA juga, dan kini melepaskannya untuk dibangunkan oleh - saya tengok di situ satu syarikat tempatan dan orang Korea hendak bangunkan kawasan itu. Begitu juga saya dapat tahu satu ketika UDA mempunyai saham di dalam Syarikat Metro Jaya yang kini pun tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Kini, pada hari ini Metro Jaya dipunyai oleh syarikat yang berdaftar, disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur - Mui.

Jadi, persoalannya kenapakah syarikat-syarikat yang mempunyai harta yang boleh dibanggakan oleh UDA ini terlepas daripada UDA dan diberikan kepada pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan yang lebih? Kalau sekiranya harta ini masih

dalam tangan UDA, saya yakin dan percaya ianya mempunyai tulang belakang untuk UDA terus berkembang.

Kita juga pada masa yang sama memerhatikan di kawasan sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ini terdapat tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan. Saya sendiri memberi fokus kepada kawasan Kampung Baru, misalnya. Kalau UDA diberikan tanggungjawab untuk membangunkan kawasan yang strategik di mana kita tidak menjatuhkan maruah orang melayu di tengah-tengah kota raya wujud satu kawasan yang kini jauh ketinggalan daripada pembangunan bangunan yang pesat di sekitar pinggir Kampung Baru, kenapakah UDA tidak mengambil pendekatan yang lebih proaktif untuk mencari jalan menggunakan tenaga yang ada pada UDA sejak tahun 1971 sehingga ke hari ini, yang mestinya mempunyai kemahiran yang amat sangat bagi menentukan kawasan-kawasan tanah orang Melayu ini dibangunkan? Ianya pasti merupakan satu pembangunan bandar yang saya agak akan membanggakan bukan sahaja generasi sekarang, tetapi merupakan satu bandar yang membanggakan generasi-generasi yang akan datang.

Di sinilah terletaknya sebenarnya matlamat kerajaan pada waktu itu untuk menentukan UDA memainkan peranan merombak struktur penduduk-penduduk kita di kawasan-kawasan bandar terutamanya di kota raya Kuala Lumpur.

Kalau kita perhati kepada pembangunan UDA yang dibuat di Taman Tun Dr. Ismail misalnya, bagus, berjaya. Tetapi pada masa yang sama di pinggir Taman Tun wujud Sungai Penchala, kawasan kepunyaan kebanyakannya orang Melayu. Saya rasa ini adalah kawasan rizab Melayu. Kalau sekiranya UDA mempunyai vision tersendiri, ianya akan menentukan kawasan-kawasan kepunyaan orang Melayu di tengah-tengah kawasan pembangunan, akan rela membebaskan pegawai-pegawainya membuat perancang membangunkan, mewujudkan pula satu kawasan pembangunan Sungai Penchala. Tetapi ianya setakat ini masih jauh ketinggalan. Harga tanah sudah meningkat saya difahamkan daripada RM10,000, RM20,000 seekor dahulunya, kini sampai RM250 ribu satu ekar. Tetapi masih tidak dibangunkan. Kita dapati pondok-pondok di sekitar kawasan itu - kita juga ada satu ketika dahulu pusat Arqam di Sungai Penchala, ada kawasan-kawasan perumahan tak teratur. Adakah Pengerusi UDA tidak mampu, misalnya memberikan satu pandangan, satu vision, perancangan di kawasan-kawasan seperti ini?

Saya menyentuh di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan pusat Petaling Jaya ini kerana wujud poket-poket tanah rizab Melayu yang sepatutnya dibangunkan untuk menebus maruah dan martabat. Ini peranan UDA, tetapi masih ketinggalan. Adakah ianya apabila dijadikan sebagai satu syarikat lebih bertanggungjawab ke arah ini? Saya bimbang, kalau setakat ia mempunyai authority, mempunyai kuasa untuk membangunkan kawasan-kawasan supaya ianya mereka-bentuk struktur yang baru, orang Melayu, orang Cina, orang India sama-sama menikmati pembangunan urban ini, kalau setakat ini belum dicapai, kita bimbang apabila ianya disyarikatkan, yang lebih diutamakan ialah keuntungan.

Kita tahu asas-asas untuk mensyarikatkan UDA ialah bagi memberikan ia lebih 'flexibility', lebih berpeluang untuk menceburkan diri di dalam bidang komersil. Tetapi satu ketika dahulu apabila ia terlibat di dalam bidang komersil, membuat keuntungan, ia melepaskannya. Saya sebutkan tadi Peremba, Vision City yang sekarang ini sedang membangun, dan saya sebutkan Metro-Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkanlah jangan sekali-kali memisahkan peranan asal UDA apabila ianya dibentuk pada tahun 1971 untuk merombak kembali, mencerminkan kembali kependudukan negara di tengah-tengah kota raya dapat diusahakan. Saya juga menyatakan pada lima-enam hari dahulu apabila kita membahar usul ini, membentangkan rang undang-undang ini, saya katakan kita jangan berbangga dengan pencapaian 13,000 lebih rumah-rumah yang didirikan oleh UDA dalam masa 25 tahun (1971-1996) kerana saya sudah buat perkiraan, 544 buah setahun. Jadi, ini tidak membanggakan. Apabila kita tahu keperluan rumah-rumah kos rendah misalnya, dan rumah-rumah kos rendah ini sebenarnya berlegar di kawasan pinggir-

pinggiran kota untuk mereka yang kurang mampu diam di kota, untuk mereka akan balik ke kota menjalankan tugas-tugas perkhidmatan bagi kepentingan kota-kota raya.

Saya hendak tahu sekarang ini, kenapa pula kerajaan memberi kepada EPF ataupun KWSP untuk menerajui usaha membangunkan rumah-rumah kos rendah? Kenapa tidak UDA mengambil inisiatifnya dari usahanya meneroka dalam kawasan-kawasan ini, kerana ini sebenarnya tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu UDA membangunkan rumah-rumah, tak kira kos rendah, tak kira pertengahan atau tinggi untuk kepentingan mereka yang terutama sekali bumiputera yang terpaksa kita wujudkan di tengah-tengah kota bagi mencerminkan kependudukan negara pada masa ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya persyarikatan UDA ini dapat menanggung bebanan-bebanan yang telah kita berikan pada tahun 1971, maka saya rasa ianya akan dapat mencapai cita-cita itu, tetapi dalam keadaan yang sekarang ini kita dapati hartanah di seluruh kawasan kota raya ini sudah meningkat begitu tinggi, dan UDA mempunyai tanah-tanah tertentu. Saya mintalah tanah-tanah yang hendak dibangunkan pada masa akan datang supaya ianya bersesuaian dengan kemampuan yang ada pada, terutama sekali bumiputera.

Saya juga ingin menyarankan kepada UDA untuk lebih proaktif dari segi membangunkan tanah-tanah kerajaan. Kita diberitahu dalam Dewan yang mulia ini apabila kerajaan berpindah daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya lebih kurang 640 ekar atau lebih 500 ekar tanah yang akan ditinggalkan di sini mungkin diswastakan, mungkin diberi untuk dibangunkan oleh pihak swasta, sungguhpun saya mencadangkan kerana kurangnya jantung hijau, ataupun dengan izin, the green lung, kita tidak payah bangunkanlah. Tetapi kalau sekiranya ianya dibangunkan, kita minta UDA, pertama sekali mengesyorkan kepada pihak kerajaan untuk membangunkan kawasan ini dan pada waktu itu apabila ia dibangunkan janganlah lupa penghuninya kita letakkan sekurang-kurangnya 50% kepada bumiputera.

Kalau sekiranya UDA menerusi persyarikatan, menjualkannya atas harga pasaran dan mengharapkan bumiputera untuk menjadi penghuni, saya rasa itu tidak akan mencapai matlamat yang kita letakkan pada UDA. Jadi, tanah-tanah kerajaan yang sedia ada di tengah-tengah kota ini, UDA membuatkan perancangan bertemu dengan Mayor (Datuk Bandar) Kuala Lumpur kita, ataupun pergi ke pejabat Perdana Menteri ataupun pergi ke EPU, bentang peta Kuala Lumpur ini dan cari di mana wujudnya tanah-tanah dan ruang-ruang yang kosong, tanda - ini untuk UDA kerana kita hendak membangunkan untuk orang-orang bumiputera, untuk mengimbangkan yang kini hanya 5% ruang niaga di Kuala Lumpur - saya rasa ini peranan UDA.

Kita juga tahu banyak kawasan perumahan kepunyaan kerajaan, kawasan-kawasan perumahan kakitangan kerajaan dan mungkin sudah pun dibuat, ada ura-ura hendak diswastakan. Saya hendak tanya adakah ianya akan diberikan kepada UDA yang mempunyai tanggungjawab untuk hendak membangunkan kawasan-kawasan bandar ataupun ia diberikan kepada pihak swasta. Saya beri contoh, Jalan Cochrane - pagi-pagi kita pergi ke sana, saya tengok rumah-rumah kerajaan, satu lot lebih kurang 40 kaki persegi - dekat-dekat seekar, 30 kaki persegi, 20 kaki persegi, banglo-banglo lot ini, di Jalan Pegawai, Jalan Cochrane dan sebagainya ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa halnya Dato' Aziz pergi ke sana tiap-tiap pagi?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya pergi saya tengoklah - exercise pagi-pagi. Jadi, soalnya sekarang ini, kepada UDakah tanah-tanah itu akan pergi? Adakah ianya ditanda oleh orang-orang tertentu kerana UDA ini ada peranan termaktub di dalam Akta. Tanggungjawab UDA bagi merombak kembali kota raya mencerminkan kependudukan negara. UDA sepatutnya pergi bertemu dengan pihak yang berkuasa kerana UDA juga mempunyai kuasa setaraf dengan badan lain yang berkuasa kerana ianya termaktub dalam Akta ini. Saya ingin bertanya, kepada siapa tanah-tanah ini diberikan? Jikalau belum beri, beri kepada UDA untuk UDA bangunkan dan selepas itu tanya pegawai-pegawai kerajaan yang tidak ada rumah, beri

kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk membelinya. Ini sebenarnya dan sepatutnya dijalankan oleh UDA.

SPPK, misalnya, Syarikat Perumahan Kakitangan Kerajaan, dan saya pun terlibat dalam hal ini. Kalau dahulunya, mereka yang hendak tanah boleh mendapat dengan harga RM5.00 sekaki persegi, ini dahulu-dahulu sekali, Jalan Setia Kasih, selepas itu, sampai ke peringkat RM17.00 satu kaki persegi. Ini kerana tanah ini sebenarnya dahulu dijalankan oleh Syarikat Pegawai-pegawai Kerajaan yang kebanyakannya orang-orang kerajaan. Selepas RM17.00 sekaki pergi kepada RM21.00 sekaki persegi, kini, pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai tahap untuk mendapat tanah ini, saya dengar cerita daripada seorang Timbalan Menteri, ianya diberi peluang untuk membeli dengan harga RM100.00 sekaki persegi dan harga pasaran tanah-tanah di Damansara Heights ini ialah RM180.00 - RM200.00 sekaki persegi, kerana tanah ini sekarang, syarikatnya diambil alih oleh PNB.

Objektif dahulunya ialah untuk hendak memberi peluang kepada kakitangan kerajaan memiliki rumah di tengah-tengah kota raya iaitu di Bukit Damansara sudah berubah dan mereka mendapat tanah yang kosong dahulu iaitu kebun getah - saya masih ingat, semua kawasan itu ialah kebun-kebun getah diberi kepada mereka untuk dijayakan dan dikhususkan kepada pegawai-pegawai kerajaan termasuk juga Menteri, Timbalan Menteri dan juga orang-orang lain yang bersesuaian untuk menerima habuan ini. Sekarang sudah berbeza. Jadi, cepat sangat kita lupa kepada tujuan asal.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga berkaitan dengan PERNAS di bawah kementerian yang sama, terlanjur kita bercakap di bawah satu kementerian. PERNAS - asal usul PERNAS diwujudkan, dan saya pernah bertugas selama dua bulan dalam tahun 1972 di PERNAS, untuk hendak meningkatkan dari segi perniagaan bumiputera iaitu tahun 1969.....

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Aziz, Tuan Mustaffa minta laluan.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Minta penjelasan kepada Yang Berhormat, kenapa dua bulan sahaja dia bekerja di PERNAS?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sebab selepas itu saya belajar balik kerana saya rasa saya memerlukan pelajaran yang lebih.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, PERNAS yang ditaja oleh kerajaan wujud pada awal tahun 70-an untuk menjadi benteng keperluan pembangunan niaga bumiputera dan kini telah ada MBO - Management By Objective - bukan Management By-Out. Itu saya hendak sebutkan. Dibeli oleh pengurusan yang lahir yang hanya sampai ke PERNAS selepas penaja-penaja dahulunya, termasuk Tuan Yang di-Pertua juga, saya rasa, sudah tidak ada di situ lagi.

Jadi, soalan saya mana objektif dahulu? Apakah kita lupa dengan tujuan kerajaan menubuhkan PERNAS, menubuhkan UDA? Menubuhkan PNB, misalnya? Sekarang ini banyak orang korporat tengah mengintai-intai syarikat-syarikat di PNB untuk hendak mengambilalih. Itu harta tanah generasi akan datang - kita sekarang, yang tidak mampu untuk melabur. Kalau kita bahagi-bahagikan kepada mereka yang mampu sekarang, siapa akan bertanggungjawab hendak menceritakan kepada cucu-cicit kita di masa akan datang, di mana khazanah kekayaan negara? Hanya pada segelintir manusia.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya bimbang, jangan kita cepat tergelincir daripada tujuan asal. Objektif yang ditaja oleh pemimpin dahulu, oleh Allahyarham Tun kerana ianya ditaja waktu kita di dalam merancang menerusi bilik operasi - Pentadbiran MAGERAN - wujudnya PERNAS, wujudnya UDA, tetapi kita sudah lupa dengan sejarah dan terpesong daripada objektif yang sebenarnya.

Jadi, saya mintalah, hendak mesyariatkan UDakah, hendak membuat apa-apa sekali pun jangan kita lari daripada matlamat, kerana itulah tanggungjawab kita

kepada generasi-generasi akan datang. Perancang hari ini akan bertanggungjawab, bukan sahaja kepada Allah S.W.T tetapi kepada generasi yang akan datang yang hendak mengetahui adakah kita memainkan peranan seperti yang ditaja oleh pemimpin yang telah pergi lebih awal daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguhpun menyokong Usul ini, tetapi memohon pihak kerajaan untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kembali kepada objektif asal yang kita tubuhkan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

4.01 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang telah membahas rang undang-undang ini dan telah melahirkan isi hati amat tepat sekali dan tentu saya amat bergembira kalau ucapan beliau tadi mendapat siaran penuh pihak akhbar-akhbar tanah air supaya pihak rakyat dapat mengetahui tentang suara dan isi hati rakyat lebih-lebih lagi bersabit dengan masalah yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Datuk Haji Ibrahim sendiri meluahkan isi hati.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, isi hati. Tuan Yang di-Pertua, sebab saya menyebutkan perkara ini, saya juga mengambil kesempatan di sini sebelum saya turut sama membahas rang undang-undang ini untuk menyatakan terima kasih saya kepada pihak akhbar, sebab dalam masa dua, tiga hari ini nampaknya, laporan-laporan dalam Dewan Negara ini sudah agak bertambah baik.

Hari ini, saya lihat *The New Straits Times*, satu muka penuh, *Berita Harian* boleh tahan, *Utusan Malaysia* demikian. Walaupun beberapa hari dahulu saya menegur dan kemudian saya dikritik dan dihentam kerana membangkitkan menyzoalkan tidak banyak berita-berita Dewan Negara terutamanya ucapan Ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat dilapor secara sepenuhnya oleh pihak akhbar.

Walaupun berita itu tersiar yang banyaknya berita-berita daripada pihak kerajaan yang menjawab soalan, tetapi sekurang-kurangnya sudah ada berita-berita yang agak membolehkan rakyat memahami apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Saya ucapkan berbilang terima kasih. Kalau besok, lusa, kalau ucapan Dato' Abdul Aziz itu disiarkan penuh sebagaimana yang dia berucap tadi, saya ucapkan beribu terima kasih, kalau lagi baik jutaan terima kasih. Cukup setakat berbilang terima kasih dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya juga harap dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan yang ada di sini, supaya apabila setiap kementerian, menteri ataupun timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen membentang rang undang-undang, kita berharaplah supaya menteri, timbalan menteri atau setiausaha Parlimen, wakil kementerian berkenaan ada dalam Dewan sepanjang perbincangan rang undang-undang yang berkaitan dengan kementerian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, semalam apabila saya membngkitkan beberapa isu di dalam perbincangan, pihak menteri menjawab ataupun pihak kementerian menjawab dengan mengatakan orang yang bertanya tidak ada di dalam Dewan Negara. Saya menjawab, waktu kita bercakap, menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen tidak ada dalam Dewan Negara, mereka kata, mereka boleh baca *Hansard*. Saya pun bila mereka jawab apa yang saya bangkitkan, saya tidak ada di Dewan Negara, saya kata, saya boleh baca *Hansard*, tak payah saya berada di dalam Dewan. Dia mesti two ways supaya perbincangan itu lebih kita rasai, lebih kita menghayati.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita senang, sebab sistem Dewan Negara dan Dewan Rakyat kita ini, berbeza dengan setengah-setengah negara, kerana negara lain

saya lihat suasananya begitu hidup sekali, menteri, walaupun kita ada menteri setiap kementerian ada timbalan menteri, ada setiausaha Parlimen, ada dua menteri, ianya bukan bererti menghalalkan menteri-menteri tuang daripada hadir di Dewan Rakyat.

Ada menteri-menteri datang, cukuplah sekurang-kurangnya datang, yang datang saya ucapkan terima kasih, ini ada kaitan dengan rang undang-undang, saya hendak bahaskan ini. Saya ucapkan terima kasih, tetapi ada setengah saya lihat langsung tak datang. Kalau di Westminster, saya tahu, Tuan Yang di-Pertua pun tahu, di Westminster bukan main lagi, menteri yang terlibat semua ada dan yang tulis nota dengar perbahasan, menteri yang bertanggungjawab, kita senang sebab kita bawa semua sekali kakitangan kementerian bagi pihak menteri dan timbalan menteri. Jadi, pihak kerajaan, pegawai-pegawai boleh menulis jawab bagi pihak menteri, nanti baca sahajalah, lepas itu fikir sendirilah macam mana hendak jawab beri puas hati, senanglah.

Sebenarnya, soal masa ini betul kita tahu menteri sibuk, kita tak kata mereka tak sibuk, sibuk kerana tugas, tetapi kalau hendak datang boleh. Time ini is up to us, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita atur boleh. Macam orang berkasihlah, kalau dia hendak sunting bunga itu, Tuan Yang di-Pertua, macam-macam jalan dibuatnya, cari jalan, dia dapat mengadakan masa. Takkanlah Dewan Negara, Dewan Rakyat bersidang tiga kali setahun, dalam tempoh 15 hari ada yang tak datang langsung, betullah keluar negerikah, sibukkah, at least with due respect mesti hadir di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini teguran secara terbuka, saya berani tegur sebab apa yang saya kata ini, surat khabar takkan tulis, jadi, tak usahlah bimbang. Untuk pengetahuan di sini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, takkan mungkin akan disiarkan. Cuma saya minta supaya ucapan yang dibangkitkan oleh Dato' Abdul Aziz tadi diketahui oleh rakyat juga untuk menilai prestasi UDA. Bukan semata-mata jawapan daripada pihak kerajaan sahaja yang rakyat hendak tahu. Jangan kita hanya fikir rakyat sahaja yang hendak mendengar the success and the good story, pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat juga rakyat hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, hal UDA ini, kalau tanya saya, sebelum ini orang dok kritik MARA. Kecuh sekali MARA mendapat perhatian. Banyak orang tegur bab MARA. Sebenarnya, kalau kita lihat dari dalam sampai ke bawah, saya hendak percaya, UDA patutnya lebih mendapat perhatian pihak akhbar, pihak rakyat untuk kita bicarakan dengan cara terbuka.

Saya bersetuju dengan Dato' Abdul Aziz tadi, betullah harta terkumpul RM1.4 billion, dah bina rumah, ketua pengarah boleh tepuk dada, pegawai UDA boleh tepuk dada, - berjaya. Berjaya apa? Senang sahaja kalau saya jawab, tanah kerajaan beri, ada prime land, peruntukan kerajaan beri, buat rumah dan jual. Rumah pun orang hendak beli pun tak cukup - untunglah! Nothing so special about that?

Kemudahan diberi, tanah diberi, peruntukan diberi - buat! Yang pentingnya ialah objektif. Hari ini hari bersejarah. Satu lagi institusi yang kita tubuh dahulu untuk menjadi pemangkin 'catalyst' kepada kaum bumiputera untuk mewujudkan ruang-ruang niaga, rumah-rumah untuk orang-orang Melayu dalam bandar. Sejak tahun 1971 sampai tahun ini, hari ini sudah kita hendak bubar kerana hendak corporatise. Soalnya apakah matlamat sudah tercapai? Dan perlukah kita corporatise dan menjadi sebuah syarikat? Kalau setakat UDA hendak jadi pemaju semacam YTL, baik kita pergi berunding dengan YTL sahajalah. Orang Melayu hendak cari rumah kedai pergi berunding dengan YTL. Orang Melayu hendak cari rumah kedai boleh pergi berunding dengan Tan & Tan Development, samalah kalau orang Melayu hendak pinjam duit pinjaman, kalau orang bercakap soal cagaran susah kertas kerja, begini, begini, lebih baik kita pergi kepada Southern Bank daripada kita bercakap dengan Bank Bumiputra ataupun Bank Industri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, we have all of these institution because they have a special agenda yang tersirat di sebaliknya. Tentulah kalau rugi lagi orang marah, lagi kita kritik, tetapi agensi seumpama ini pada saya, sebab itu bila orang bincang bab MARA saya ada persepsi saya sendiri. Jadi, kita tak rugi, tak ada untung tidak mengapa, tetapi tak rugi. Tetapi matlamat tadi tercapai - cukup. Sebab itu matlamat sebenarnya. Tengok apa jadi kepada UDA?

Saya hendak minta pihak kementerian jawab dengan secara terperinci. Kalau hendak jawab kata, UDA berjaya boleh jawab, kita telah berjaya buat itu, buat ini, kita beri statistik dengan detail. Saya hendak tahu, hal ruang niaga sahaja, dalam lingkungan Bandaraya Kuala Lumpur sejak UDA ditubuh, berapa ramai dah Melayu dapat faedah? Melayu itu pula inverted coma, Melayu macam mana? Melayu usahawan, Melayu ini banyak kategori.

Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak bongkarlah cerita, saya bersetuju dengan Dato' Abdul Aziz, ada tanah-tanah prime land dibuat medium apartment, service apartment yang agak hebat juga. Tanah-tanah patut dibangunkan dengan bangunan yang lebih baik dan lebih berfaedah untuk komersil, ada juga dibuat apartment, saya tak hendak sebut tempat. Berapa unit, bila siap siapa yang beli? Orang Melayu beli, ha. Kalau kita tanya siapa? Orang Melayu 100%, Melayu mana? Tengok-tengok ialah Ibrahim Ali pun beli tetapi Ibrahim Ali - Ahli Lembaga Pengarah UDA. Ibrahim Ali - Ketua Pengarah UDA, tetapi nama Ibrahim Ali tak adalah sebab nama itu tidak boleh dihubungkan dengan keluarga, bolehlah bubuh nama Dolah, Mamat, tetapi the fact is that, saudara-maralah.

Hendak suruh saya sebut tempat-tempat dan kawasan ini? Ini yang saya bangkitkan. Ini berlaku, maka seronoklah orang yang menimba kekayaan. Hari ini

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Ibrahim, ada permintaan laluan.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat. Kalau kita ikhlas mendedahkan perkara itu demi kebaikan rakyat dan semua, saya rasa kita tidak perlu sorok di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yalah, bila saya sebut macam itu pun kita ini orang telah cerdas pandai, bila kita sebut, orang yang makan lada dia rasa pedaslah. Tak payah suruh saya sebutkan, sebab nanti disalahtafsirkan pula, dikata saya ini berniat yang tidak baik. Saya hanya bercakap sepertimana Dato' Abdul Aziz bercakap tadi. Kita ini orang katalah jurubicara rakyat. Bercakap bagi pihak rakyat, jadi, di sinilah tempat kita meluahkan. Orang tak tahu, sebab surat khabar takkan tulis semua ini, detail-detail ini. Jadi, kita tidak perlu bimbang. Ya atau tidak? Jadi, setakat kita di empat dinding dalam Dewan ini sahaja, kalau keluar pun, keluar umum, jawapan yang elok-elok sahaja.

Hari ini dibuat sebuah apartment, bangunan di satu kawasan prime land, kononnya ini apartment sederhana, harga nilainya RM80,000, siapa yang dapat dua, tiga, empat unit berkait-kait nama-nama itu. Permohonan memang berbelas-belas ribu. Memang mereka tahu, property appreciation, Tuan Yang di-Pertua, sebulan ke sebulan, setahun ke setahun, 10% to 50% daripada RM80,000 jadi RM300,000, bukan orang tak tahu!

Tetapi buatlah saya tak kisah, yang pentingnya dari segi kejayaan bumiputera tadi, ruang niaga, Pertama Kompleks masih menghantui orang Melayu sampai sekarang. Tolong beritahu kepada saya kompleks-kompleks yang besar, berapa sebenarnya jumlah bilangan kaum bumiputera yang dapat ruang niaga? Tell me! Just be honest, Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai?

Isu di UDA ini lebih besar daripada di MARA, di goncangnya MARA, hampir hendak runtuh MARA, tetapi UDA, apa kurangnya? Apa kurangnya? I am not

envy, RM1.4 billion, pokok pangkalnya harta kerajaan, boleh dinilai dari segi keuntungan atau kejayaan. Tetapi saya hendak tanya tadi, itu di Kuala Lumpur. Di bandar-bandar lain, sama juga.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sudah sebut dengan jelas. Memang saya pun hendak sebut hal Vision City ini di hadapan Bank Pembangunan. Vision City - nama Bandar Wawasan, di sebelah itu kampung Melayu. Tanah tapak itu dahulu pun, Ahli-ahli Yang Berhormat tahu tak di situlah bermulanya dahulu tragedi 13 Mei. Bagaimana mayat bergelimpangan di Jalan Raja Abdullah itu tapaknya. Saya ingat, kawasan Menara Raja Abdullah. Tempat itu, ramai orang sudah lupa sejarahnya, tetapi kita diam sahajalah.

Di sebelah itu Kampung Baru, Vision City sudah hendak naik. Bila Vision City naik nanti, mampukah sekali lagi orang-orang Melayu menyewa ataupun mendapat ruang dan diberi kesempatan? Malah, di Pertama Complex pun, ruang niaga yang menggunakan sistem tender untuk bumiputera pun saya tengok sudah tidak mungkin mereka dapat compete. Hendak compete dari segi harga, sudah satu hal. Depa kenal atau tidak orang dalam, satu hal lagi.

Hal tender, begitu juga. Jawatankuasa Tender, ia bukan sahaja setakat buat rumah, bukan setakat memajukan kawasan sahaja, ia ada pula, kalau hendak maju itu ada pula Jawatankuasa Tender, ada pula syarikat-syarikat yang boleh kita bina sebagai usahawan, diberi kemudahan tender dan sebagainya. Betullah yang dapat, bumiputera juga. Tetapi ada juga orang yang memang hendak berniaga dan hendak mencari jalan serta kesempatan yang sama, adakah mereka mendapat peluang seperti orang lain? Itu pun satu isu juga.

Tuan Yang di-Pertua, ini hal UDA. Sebab itu bila saya lihat Rang Undang-undang UDA ini dibentangkan, saya kata inilah juga sedikit masa untuk saya meluahkan fikiran sebab yang kita cukup bimbang, hari ini bandar raya membangun dengan begitu hebat. Kita bangga (proud) ini negara kita. Kita menjadi negara maju. Tetapi kita tidak mahu bangsa kita juga menjadi bangsa yang mempunyai inferiority complex nanti, terutamanya orang Melayu, makin rendah diri. Sebab, begitu cantiknya bangunan, bukan main hebatnya bangunan, tetapi daripada 100, tidak mampu 2 orang pun orang Melayu dapat menyewanya, kecuali syarikat-syarikat korporat, bolehlah.

Tetapi syarikat korporat boleh bertukar tangan. Betul tak, Tuan Yang di-Pertua? Boleh bertukar tangan sebab corporate gains ini dia tidak kira masa hadapan, dia kira berapa juta saya buat hari ini, by all means. Kecuali bagi orang-orang yang tahu kepentingan bangsa. Walaupun dia tahu dia boleh buat berjuta, tetapi demi kerana bangsa, letak pedang di leher sekali pun, apatah lagi duit, tak main!

Seperti Nabi dahulu ditawarkan bulan dan bintang di kiri kanan tangan, tak main sebab dia tidak akan menggadaikan agama, sama ada bulan atau bintang yang ditawarkan oleh musuh-musuh Islam, dia tak main! Kita bukan tahap itu. So, boleh bertukar tangan. Anytime boleh bertukar tangan.

Satu hari nanti, bagaimana kalau kita tengok bangunan-bangunan mencakar langit? Malah bangunan yang dibina oleh UDA sendiri yang matlamatnya jelas untuk tujuan sekian pun beralih tangan kepada pihak yang tidak sepatutnya memiliki bangunan dan ruang tapak tersebut. Ini yang harus diberi perhatian oleh pihak UDA dan saya hendak minta kementerian, saya ulang balik, saya hendak maklumat ini secara terperinci.

Kita tahulah UDA sudah bina rumah di Taman Tun Dr. Ismail, dahulu ada anak syarikat Peremba dan kita harap, sudah lepas, kadang-kadang ada syarikat seperti Peremba ada tanah yang dijadikan batu loncatan untuk setengah-setengah pihak mengaut keuntungan. Of course they deliver their job, but at the same time, they make millions. There are many ways how to do it, dengan izin.

Saya hendak tahu, saya katakan tadi, berapa banyak hasil usaha UDA dari segi ruang niaga? Kalau hendak sebut unit rumah di Taman Tun Dr. Ismail yang TDDI buat di bawah Peremba itu memang banyaklah. Tetapi saya hendak tahu dari segi ruang niaga ini. Nasib baiklah ada bangunan MARA di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan juga, bangunan MARA di hadapan Holiday Inn, ruang niaga di bawah pun malap sahaja. Cuba masuk, malap sahaja ruang niaga. Itu di bangunan MARA. Tempat lain?

Pertama Complex, saya sebut tadi itu ialah projek kompleks yang pertama. Yang berniaga itu pun ialah peniaga-peniaga yang ramai di ruang niaga di bawah itu, dia buat seluar jeans, dengan tali pinggang besar, dengan topi cowboy itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Kulit.....

Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali: Kulit-kulit itu, banyak di bawah itu saya tengok. Selepas itu, syarikat yang cuci gambar itu adalah satu. Selepas itu ada seluar jeans, itulah sahaja. Yang lain tidak ada. Strategic places, habis, orang lain ambil.

Jadi, saya cukup bimbang dengan perkembangan sekarang dan UDA yang kita tubuhkan dahulu hari ini sudah dibubarkan dan hendak dicorporatisekan pula, sudah jauh sangat ini. Saya kalau....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ibrahim, minta berhenti sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Ding Seling: Sila teruskan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih. Selain daripada itu, saya juga hendak tahu kemajuan UDA sebelum ini membantu orang-orang Melayu di lain-lain bandar selain daripada Kuala Lumpur. Selain daripada Kuala Lumpur, bukan dari segi jumlah unit yang dibina tetapi jumlah unit yang dimiliki oleh orang Melayu dan kalau boleh tolong tunjukkan contoh-contoh di mana ruang-ruang orang Melayu diberi tempat di kawasan-kawasan yang strategik. Bukan setakat jumlah sahaja, tetapi tempat yang strategik? Itu saya hendak tahu, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak bercadang untuk bercakap lebih panjang. Setakat itu sahaja dan saya harap pihak kementerian dan pihak UDA bila mendengar apa yang kita bangkitkan ini jangan tersinggung. Jangan sekali-sekali tersinggung kerana kita hanya sekadar membangkitkan untuk memenuhi tanggungjawab kita. Kalau kita tidak betul, boleh hentam saya, tidak ada masalah. Macam surat khabar hentam saya bila saya tegur surat khabar sebab saya cukup seronok, bila kena hentam, lagi saya seronok. Saya tidak ada masalah.

Jadi, yang saya harap supaya menerima reaksi yang positif. Sekian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

4.18 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, kita faham kerajaan kita peka terhadap menjanakan ekonomi bumiputera. Dengan hal yang demikian, UDA diwujudkan apabila dalam tahun 1971, Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar diluluskan.

Kalau tahun 1971, sekarang 1996, saya rasa sudah 25 tahun. Kalau lahir dalam tahun 1971, maknanya sekarang sudah dewasa dan kalau yang wanita, kemungkinan sudah pun berumah tangga, lebih daripada matured, dengan izin.

Tetapi saya tidak begitu jelas dan nampak apakah sumbangan UDA kepada ekonomi bumiputera, khususnya. Apabila Ahli-ahli Yang Berhormat mempertikaikan, saya nampak satu kegagalan yang memang wujud di dalam UDA sendiri. Ia tidak menyampaikan matlamat. Matlamat asal pada tahun 1971 ditubuhkan UDA ini untuk membantu membangunkan di dalam bandar memberi ruang-ruang yang agak boleh membantu bumiputera. Kalau tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali membuat tinjauan kepada Kompleks Pertama, dia kata ada dua.

Sepanjang yang saya tahu, sekarang tinggal satu sahaja. Pertama itu adalah satu, nombor wahi. Dan yang tinggal kompleks yang ada yang diniagakan oleh bumiputera hanya satu. Apakah satu ini melambangkan kejayaan bumiputera di dalam Pertama Kompleks? Dan ke mana lagi baki-baki ruang-ruang niaga ini?

Saya pasti benda ini telah terjual. Apa salahnya kalau UDA mengambil satu daya, buat sekatan milik tiap-tiap hak? Hak-hak milik itu dibuat sekatan milik, tidak boleh dipindah milik atau dijual tanpa kebenaran kementerian yang berkenaan dengan sokongan UDA.

Dengan adanya sekatan milik, saya percaya harta yang berkenaan tidak lepas ke bangsa lain, sepertimana negeri-negeri yang lain dibuat ke atas hakmilik tanah, dibubuh sekatan milik dan tanah ini tidak sewenang-wenangnya dapat ke tangan orang lain selain dari kebenaran Menteri Besar. Kalau siapa hendak jual jumpalah Menteri Besar. Begitu juga ini, kalau siapa hendak jual juga ruang, jumpalah - kementerian ataupun menteri. Ini saya rasa perlu kita meluluskan satu rang undang-undang untuk menyekat hakmilik demikian lepas ke tangan orang lain, bubuh fresh condition, dengan izin. Kerana kalau kita cuai, saya rasa tidak bermakna UDA ini wujud lagi, yang melambangkan dia ini penjana ekonomi bumiputera di dalam bandar - ini jelas. Kalau kita lihat bukan sahaja di bandar Kuala Lumpur, tetapi di mana sahaja ada kompleks UDA. Saya amat sedih kerana matlamatnya tidak sampai.

Baru-baru ini kami di Perak bangga dengan 'The Mall'. Kalau di Kuala Lumpur ada 'The Mall', kami di Ipoh pun ada 'The Mall' - cantik tersergam besar. Tetapi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau datang ke negeri Perak tinjau-tinjau 'The Mall' apa yang ada di dalamnya dan siapa yang berniaga di dalamnya. Pastikan bumiputera wujud di dalam 'The Mall' kalau ruang itu sudah diberi kepada orang lain, besok tentukan bumiputera wujud di dalamnya. Kalau tidak kita tidak usah wujudkan cerita-cerita yang manis, cerita-cerita yang memberi rangsang kepada bumiputera.

Saya sependapat dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali bahawa UDA amat bangga dengan hartanya sebanyak RM1.4 bilion, akan tetapi matlamatnya pada pandangan saya gagal mencapai apa yang dimaksudkan di peringkat awal. Apa salahnya UDA mengambilalih ruang-ruang niaga yang dijual oleh bumiputera, kalau betul bumiputera itu dalam kesempitan pada masa itu ambil alih, bayar mengikut pasaran dan sewakan balik, kalau tidak ada pembeli. Bila ada pembelinya balik bumiputera berikan balik, apa salahnya? Ini tidak, dibiarkan sewenang-wenangnya perkara ini berlaku. Apakah kita mengizinkan perkara ini berlaku? Kita harus mengambil perhatian yang serius.

Ini lagi satu saya hendak sebut mengenai Management By-Over (MBO). MBO ini kalau kita biarlah berleluasa pun saya rasa kurang baik, pada peringkat awal apabila bil ini kita luluskan, UDA akan menjadi tahap korporat. Pastikah ini tidak akan terlepas ke tangan orang-orang yang tertentu yang mencari kepentingan diri!

Apabila ada suara-suara yang dikeluarkan oleh rakyat yang mengatakan beberapa tokoh yang kaya sekarang datang dari Peremba - mereka rasa sangsi. Apakah mereka juga mengambil kesempatan dalam Peremba macam itu? Saya tidak perlu sebut nama tokoh-tokoh ini yang sekarang memang kita tahu sebagai tokoh korporat yang terkemuka, mereka ini asalnya dari Peremba yang berkerja dengan Peremba. Kita tidak tahu cerita yang sebenar apa yang berlaku di masa mereka mentadbirkan Peremba. Itu sebabnya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dan Yang

Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman tadi membangkitkan macam mana tanah-tanah UDA terlepas kepada orang lain. Ini perlu kita persoalkan.

Saya rasa tidak ada keikhlasan di dalam transaksi ini, tetapi kita hendak ceritakan secara detail, saya minta maaf, ini bukanlah tempat yang kita harus menyerlahkan segala-gala cerita yang saya rasa tidak begitu manis disebut.

Saya hendak menyentuh mengenai perumahan KWSP, yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman tadi. Saya rasa UDA tidak minat hendak membina rumah KWSP ini - tidak minat. Bayangkanlah RM25,000 satu unit. Harga tanah dan harga bangunan di situ berapa ribu yang boleh untung? Keuntungannya amat sedikit. Itulah sebabnya UDA saya rasa Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman memang tidak minat. Bukan saya membuat tuduhan melulu, tetapi ia pastikan UDA hanya mementingkan diri sendiri, mementingkan keuntungan semata-mata. Dia tidak mementingkan kehidupan rakyat. Apa salahnya kalau dia menyahut seruan ini? Terlebih dahulu di Selangor yang didirikan oleh NK Group bersama dengan EPF, apa salahnya UDA mengambil alih tempat itu?

Saya saya kerajaan negeri Selangor tidak bersetuju untuk dibangunkan tempat itu untuk rancangan KWSP. Saya rasa kita amat kesal dengan sikap ini dan saya sendiri berasa sangsi kalau kita perbadankan dan kita mansuhkan Perbadanan Pembangunan Bandar ini, dikorporatkan, kalau kerajaan tidak berhati-hati meskipun dalam paragraph ini ada tertulis dengan jelas hak kerajaan dan banyak lagi perkara-perkara yang rasa saya adalah elok - Kuasa dan hak Keistimewaan; Kewajipan (liabilities); dan sebagainya. Ini amat perlu, kerajaan harus peka terhadap perkara ini dan saya rasa kerajaan tidak harus berkompromi menentukan hak kerajaan, menentukan hak rakyat yang mana sepatutnya UDA lebih peka dari masa ke semasa. Kalau kita fikirkan sebagaimana dalam MARA mempunyai masalah, dalam UDA juga saya rasa tidak kurang hebatnya mengikut sahajat kita tadi.

Saya rasa apakah salahnya kita mengkaji masalah dalaman, kita kaji struktur urusan, kalau perlu dirombak? Oleh itu, kementerian harus melakukan perkara ini demi kepentingan bangsa dan negara.

Saya bimbang UDA ini kalau lama-lama menjadi macam cerita drama 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu'. 'Pi mai pi mai tang tulah' kata orang kedah. 'Pi mai pi mai tang tulah', macam itulah - dia pergi balik, pergi balik serupa setakat itu sahaja ceritanya. Tengoklah peranan Pak Uda di dalam drama itu dengan baju yang singkat ceritanya sampai Mak Uda pun tidak ada - lari. Jadi, begitulah nasibnya besok pada UDA. Oleh itu, janganlah jadikan drama 'Pi Mai Pi Mai tang tulah' wujud di dalam UDA sendiri. Ini bukannya saya hendak menyangka, tetapi saya nampak peranan drama 'Pi Mai Pi Mai Tang Tu' itupun bagus. Bila kita tengok bagaimana dia membangunkan flat, tetapi ada juga penduduk bangsa asing, dia beri tinggal bersama termasuk dengan kedai gungtingnya, termasuk dengan butiknya.

Saya harapkan UDA akan menjadi satu kenyataan di satu hari yang menentukan tuju arah, ekonomi Melayu di dalam bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

4.30 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi kita telah pun mendengar pandangan ikhlas daripada tiga orang Ahli Dewan Negara. Dan saya sendiri telah menjadi Ahli Dewan Negara sejak lima tahun yang lalu. Inilah rasa-rasa saya kali pertama saya lihat Ahli-ahli Dewan meluahkan perasaan secara ikhlas tentang bil yang dibawa oleh kerajaan hinggakan ada kalanya terdapat Ahli Dewan yang memikirkan kalau boleh tak hendak sokong Rang undang-undang Pembubaran UDA ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita ketahui UDA telah pun ditubuhkan pada 25 tahun yang lalu. Izinkan saya membacakan daripada *Hansard*

semasa pembentangan Rang Undang-undang Pembangunan Bandar pada hari Khamis 29hb. Julai 1971 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada masa itu merangkap Menteri Dalam Negeri dan juga Menteri Perumahan, Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan rang undang-undang ini pada 29hb. Julai, 1971, 25 tahun yang lalu, di antara ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail, Timbalan Perdana Menteri ialah, "Rang Undang-undang ini adalah bermaksud untuk mewujudkan satu perbadanan bagi memaju dan menjalankan projek-projek pembangunan bandar dengan tujuan mempercepatkan lagi pembinaan bangunan-bangunan besar dan moden sesuai dengan kehendak zaman." Itu para pertama.

Para kedua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan, "Di samping itu pula, adalah menjadi tugas penting perbadanan ini - saya ulangi - adalah menjadi tugas penting perbadanan ini untuk memperbanyakkan lagi penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera lain dalam usaha perdagangan dalam bandar dan juga penghidupan di dalam bandar." Adalah satu kenyataan bahawa kebanyakan daripada penduduk-penduduk bandar terdiri daripada orang-orang bukan Melayu, dan merekalah yang menjalankan hampir-hampir kesemua perniagaan dan juga perdagangan di dalam bandar. Keadaan ini tidak akan merapatkan penduduk berbilang bangsa ini dan juga mewujudkan keharmonian negara.

Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara ucapan Allahyarham Tun Dr. Ismail pada tahun 1971. Saya sendiri pergi ke khutub khanah semata-mata hendak tahu apa hasrat pemimpin kita semasa beliau membentangkan rang undang-undang ini. Sembilan orang Wakil Rakyat pada masa itu memberikan pandangan-pandangan mengenai rang undang-undang ini, termasuklah masa itu Tan Sri Musa Hitam sekarang yang mewakili kawasan Segamat Utara.

Apabila rang undang-undang ini dibentangkan, mereka yang terdiri dari parti-parti pembangkang seperti Encik Ho Chek Foon dari Damansara, Encik Goh Hock Guan dari Bangsar, dan juga yang lain-lainnya menentang rang undang-undang ini kerana seolah-olahnya rang undang-undang ini akan dibentangkan oleh kerajaan akan merampas harta orang-orang Cina dan akan dijadikan harta orang-orang Melayu di kawasan-kawasan bandar. Inilah sejarah pembentangan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang telah pun hampir 25 tahun UDA ditubuhkan. Kita telah pun mendengar pandangan-pandangan daripada tiga orang Ahli Dewan Negara sebelum ini mengenai peranan UDA. Walaupun mereka mungkin tidak membaca *Hansard* daripada tahun 1971, tetapi mereka mengetahui hasrat penubuhan Rang undang-undang UDA dahulu. Jadi, hari ini biarlah kita berterus-terang apakah telah tercapai apa yang dihasratkan oleh pucuk pimpinan kita pada tahun 1971 dahulu. Pada masa itu, saya masih ingat lagi kerana pada masa itu saya baru sahaja menjejak kaki di Kuala Lumpur, baru sahaja masuk di universiti. Masa itu pun, Tuan Yang di-Pertua, masih lagi di universiti pada ketika itu.

Rang undang-undang ini diwujudkan dengan tujuan kerana hendak mengimbangkan kepincangan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu. Dan salah satu daripada sebab berlakunya tragedi berdarah 13hb. Mei, sepertimana yang dikatakan oleh Datuk Ibrahim Ali tadi, adalah kerana kepincangan pemilihan orang Melayu di dalam bandar pada masa itu. Berlaku peristiwa 13hb. Mei, kerana orang Melayu tidak ada di bandar, kerana orang Melayu miskin, tak ada pemilihan harta di bandar. Jadi, kita tubuhkan Perbadanan Pembangunan Bandar pada tahun 1971.

Pada masa itu, saya masih ingat lagi, saya pada masa itu masih belajar di universiti, baru masuk universiti, saya pun terbayangkan apa akan terjadi Kuala Lumpur ini dalam masa 20 tahun, 30 tahun yang akan datang? Akan berlakulah di Petaling Street akan di'restructure', akan timbul bangunan-bangunan yang dimiliki oleh orang Melayu bersebelahan dengan orang bukan Melayu. Akan majulah di Kampung Baru seperti yang ada pada hari ini, tetapi rupanya Kampung Baru yang saya

tengok pada tahun 1971 pun sama pada hari ini juga, tidak ada banyak perubahan. Ini sepatutnya peranan yang mahu dimainkan oleh UDA. Saya pun terbayangkan seolah-olah Jalan Tuanku Abdul Rahman akan menjadi banyak kedai-kedai yang didirikan untuk orang-orang Melayu. Akhirnya, timbullah Pertama Kompleks. Tadi telah pun dikatakan berapa banyak unit-unit yang dimiliki oleh Pertama Kompleks. Ini kuasa sudah ada pada UDA. Kuasa Fasal 18(1), Akta UDA semua sudah siap. Kuasa yang sebegitu kuat yang ada kepada UDA, kenapa UDA masih lagi gagal, tak dapat hendak menyusun masyarakat Melayu di dalam bandar?

Saya tahu kalau mengikutkan laporan ini, saya pun baca juga laporan tahunan yang terkini tahun 1995, memang kita boleh bangga RM1.2 bilion harta UDA. Hutang dengan kerajaan pun ada juga RM633 juta. Setiap tahun ada juga, daripada tahun 1971 sampai tahun 1994, setiap tahun dapat pinjaman daripada kerajaan. Hutang dengan kerajaan pun ada RM631 juta lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, hari ini biar kita berterus-terang, sama ada benar-benar UDA telah pun berjaya. Semasa saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa-rasa hendak bangun pada masa itu, hendak mengatakan tidak betul. Dan kalau saya katakan UDA telah pun berjaya, seolah-olah saya tak bercakap betul di dalam Dewan ini. Saya percaya Yang Berhormat juga sebagai seorang ahli perniagaan dahulu, kalau dia pun jadi Ahli Dewan Negara macam kita, Yang Berhormat akan bercakap macam itu juga bahawa UDA tidak mencapai kejayaan setakat ini, belum lagi mencapai kejayaan.

Inilah sebab kita hendak corporatisekan. Pada hari itu, semasa dalam persidangan Dewan saya sudah bercakap, adakah ini dalam perjalanan untuk diswastakan? Saya percayalah, 'take my word, please', dengan izin, UDA tak lama lagi akan diswastakan. Saya harap janganlah UDA diswastakan semasa saya masih lagi jadi Ahli di Dewan Negara ini. Saya orang yang pertama sekali akan menentang, kerana janganlah kita menidak-nidakkan keadaan perjalanan itu seolah-olah ada unsur-unsur bahawa UDA akan diswastakan. Selepas ini esok akan ada pula pihak-pihak yang akan memberikan cadangan kepada pihak kerajaan supaya UDA hendak membeli ataupun secara MBO seperti kata Yang Berhormat tadi, dan apa-apa cara sekalipun untuk mengambil alih UDA.

Jadi, kalau sudah diswastakan, di mana lagi orang Melayu hendak bergantung harap untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan untuk membandarkan orang Melayu, untuk menyusun balik masyarakat ini.

Kalau tanyakan kepada saya, biar UDA dengan keadaannya sekarang, apakah ada kekangan ataupun ada restriction kepada UDA untuk menjalankan peranannya. Akta 18(1), saya baca "walau apa pun undang-undang bertulis yang ada pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan perancangan bandar dan luar bandar, perbadanan hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang". Saya ulang sekali lagi "Perbadanan hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang dalam mana-mana kawasan pembangunan bandar bagi maksud undang-undang bertulis dan peruntukan undang-undang bertulis itu hendaklah berkuatkuasa dengan sewajarnya". Begitu kuatnya kuasa yang ada pada UDA. Walau ada pun undang-undang lain bertulis atau apa pun, perbadanan UDA lah yang akan menjadi kata pemutus dalam merestrukturkan apa-apa bandar sekali pun. Apakah tidak cukup kuasa yang ada pada UDA sehingga hendak di corporatisekan, lepas itu besok saya harapkan tidak akan diswastakan.

Bila badan ini sudah dicorporatise, keadaannya berlainan. Tanggungjawab berlainan, kita lihat macam Lembaga Padi dan Beras Negara (Bernas) baru dicorporatise, baru-baru ini Pengarah Urusannya kata, sekarang ini peranannya berlainan, peranannya ialah untuk mencari keuntungan, bukannya hendak menjaga harga beras ataupun sebagainya, sampai Timbalan Menteri Pertanian pun marah balik dan tegur balik pandangan Bernas - ia masih ada lagi tanggungjawab sosial. Jadi, saya sangat-sangat berharap supaya UDA ini walaupun akan dibubarkan, tetapi pada masa yang sama, saya berharap kepada pihak kerajaan akan mengambil iktibar daripada apa-apa sahaja, sejarah yang telah dijalani dan dialami oleh UDA.

Saya tidak berbangga dengan kenyataan-kenyataan yang ada di dalam Laporan Tahunan UDA. Saya sendiri tidak berbangga, sudah 25 tahun seperti mana yang diperkatakan, tadi Dato' Aziz kata dapat buat rumah 544 buah rumah, 25 tahun - setahun 544 buah rumah, setinggalan di Kuala Lumpur pun boleh buat sebuah rumah dalam masa 24 jam - dalam masa 24 jam setinggalan boleh buat sebuah rumah, UDA dengan segala kekuatan yang ada 544 buah rumah setahun yang telah pun dibina oleh UDA. Ruang niaga, dahulu saya tahu di Subang Jaya, kita bangga, tetapi cuba Yang Berhormat sendiri check, kedai yang diberikan kepada UDA, yang menjadi milik UDA, di dalam kedai itu ada sub-station di Subang Jaya. Saya dahulu pernah hendak sewa rupa-rupanya dalam kedai itu ada sub-station yang sudah tidak laku punya, itulah milik UDA, itulah hak UDA, yang tersorok itu, itulah milik UDA.

Mulai dari sekarang, sepatutnya UDA ambil tempat yang prime, mana-mana kedai yang di depan, kalau di dalam shopping complex kalau dalam Mall, kalau dibuka, tempat yang paling prime itulah hak milik UDA, itulah sepatutnya tempat orang Melayu berniaga, tetapi kalau sudah letakkan orang Melayu di tempat jin pun tidak hendak lalu, macam mana orang Melayu hendak berniaga? Tidak salah pun orang Melayu? Jangan salahkan orang Melayu dalam soal-soal yang macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita ini orang kerajaan, kita sokong jugalah apa yang disorongkan, tetapi hati kecil saya kata, inilah keadaannya. Telah 25 tahun macam-macam perniagaan yang UDA buat, kedai dobi pun ada, jangan sebut apalah, padang golflah, advertising companylah, everything on us sudah ada, dengan izin, sebut sahajalah, perniagaan-perniagaan yang ada di dunia ini, UDA ada. UDA bukannya bertujuan hendak berniaga perkara-perkara ini. Seperti yang Tun Dr. Ismail kata pada tahun 1971 dahulu, itu tujuan UDA sebenarnya. Bukan hendak buka padang golf, hendak buka apa lagi? Macam-macam lagi yang saya pun terbaca dalam Laporan Tahunan ini. Segala jenis perniagaan yang dibuka, saya pun sudah malas hendak baca, tetapi sepatutnya ini bukan peranan UDA.

Ini bukannya peranan UDA. Soal hendak berniaga beri kepada badan-badan lain, beri kepada orang Melayu buat, UDA sediakan tempat yang strategik, ini orang Melayu punya, ini tempat orang Melayu berniaga, bukannya jual unit-unit kedai macam di Pertama Complex dahulu - jual unit-unit kedai kepada mereka yang hendak memiliki harta. UDA mesti jual kepada mereka yang hendak berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap, 25 tahun penuh dengan pengajaran, biarlah untuk masa-masa yang akan datang, UDA yang akan dibubarkan, walaupun saya sedih kerana UDA akan dibubarkan, bila kita sudah kata bersetuju sahaja, bermakna mula daripada itu UDA sudah tidak ada, akan jadi satu syarikat lain, satu entiti yang lain. Syarikat ini tahulah peranannya dia hendak lebih mencari keuntungan. Keuntungan UDA - jangan kita bangga apabila kita tengok UDA sudah untung RM56 milion berbanding dengan RM42 milion tahun sebelumnya. Asetnya sudah pun bertambah kepada RM1.1 dari RM1 bilion - ini bukan ukuran tentang kejayaan perbadanan yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berharap pihak kementerian, khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerima pandangan-pandangan ikhlas dan saya percaya pandangan-pandangan yang sebegitu ikhlas yang telah pun diberikan dan saya sendiri pun memang saya pergi ke library tadi, tengok ucapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri - apa pemikiran pada masa ketika itu, kenapa UDA ini ditubuhkan dahulu, bukan macam hendak membuat Peremba, sudah ada untung sedikit beri kepada orang lain, jual kepada orang lain, ada yang menjadikan dia sebagai kuda tunggangan ataupun sebagainya - perbadanan-perbadanan kerajaan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya sudahi ucapan saya terima kasih.

Tuan Ding Seling: Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

4.46 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut membahaskan rang undang-undang mengenai pembubaran Perbadanan Pembangunan Bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat telah membentangkan banyak perkara yang berkaitan mengenai dengan bidang tugas UDA. Harapan saya ialah supaya Perbadanan Pembangunan Bandar yang nama Inggerisnya Urban Development Authority akan mengkaji semula kelemahan-kelemahan yang terdapat semasa ianya berfungsi dahulu dengan matlamat asalnya dan saya berharap, walaupun kita memansuhkan UDA ini dan kita wujudkan semula di bawah akta baru yang mana kuasanya lebih flexible, boleh memainkan peranan yang lebih luas lagi seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, janganlah orang yang kita beri tanggungjawab bagi mengendalikan UDA yang di dalam bentuk baru itu menggunakan UDA untuk kepentingan peribadi dan kumpulan-kumpulan mereka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, peranan UDA sebenarnya ialah untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah-tanah rizab orang Melayu, tanah-tanah rezab milik Yayasan Islam dan milik badan-badan yang ada kaitan dengan kepentingan orang Melayu supaya tanah-tanah ini kekal di dalam milik orang-orang bumiputera dan selepas itu bumiputera yang berminat, yang sanggup menguruskan perniagaan boleh terus menjalankan perniagaan di situ.

Setakat ini kita tidak tahu di seluruh negara berapa banyakkah hak milik di bawah UDA yang masih kekal di tangan orang-orang bumiputera ini. Yang kita tahu, Pudu Raya sekarang ini, pada suatu masa dahulu dibangunkan oleh UDA, tetapi sekarang, kalau kita buat kajian, boleh kata majoriti peniaga-peniaga di situ sudah berubah dan peniaga-peniaga yang pada asalnya kita beri kepada bumiputera, nampaknya semakin hari semakin tidak ada lagi di situ.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian, saya berpendapat di samping kerajaan memansuhkan Perbadanan Pembangunan Bandar dan mewujudkan UDA ini di bawah satu Akta baru, kerajaan juga perlu mengkaji semula bagaimana cara supaya peranan UDA ini boleh memberi manfaat kepada kepentingan bumiputera mengikut matlamat asalnya iaitu salah satu perkara yang harus difikirkan ialah bidang-bidang yang sekarang ini menjadi keperluan semasa, misalannya pembangunan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana yang kadang-kadang kita serahkan kepada agensi yang tidak dapat melaksanakannya dan dalam bidang ini memang sesuai sekali Perbadanan Pembangunan Bandar yang hendak dikorporatkan ini diberi peluang untuk memajukan tanah-tanah dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah ini.

Begitu juga kawasan-kawasan industri yang kebanyakannya di negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri Perlis, Kelantan dan Terengganu yang memerlukan badan seperti ini untuk memajukan kawasan-kawasan ini.

Kalau sekiranya Perbadanan Pembangunan Bandar hanya memilih tapak-tapak yang kita fikirkan strategik dari segi perniagaan dan sudah tentu tapak-tapak itu senang dijual, maka matlamat dan tujuan asalnya sudah tentu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, yang penting sekali, kerajaan harus meletakkan pengurusan UDA ini di bawah tanggungjawab satu kementerian yang akan memberi perhatian supaya pegawai-pegawai kalau mengikut sub-sub fasal yang ada di dalam ini semua kakitangan UDA yang ada sekarang ini diberi pilihan dan boleh diambil bekerja semula di dalam UDA baru. Yang kita harapkan ialah supaya pegawai-pegawai yang tidak memahami matlamat penubuhan UDA itu, kita berhentikan dan kita recruit ambil pegawai-pegawai baru. Sebab pada masa-masa yang lepas kita dapati kebanyakan pegawai-pegawai ini mempunyai hubungkait dengan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha yang ada kepentingan peribadi. Oleh sebab itu, matlamat asal UDA itu tidak dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang harus kita fikirkan apabila akta baru pengganti diluluskan kelak, maka sudah tentu UDA ini ada kemungkinan akan diswastakan. Dan kita berharap kerajaan perlu lebih teliti sama ada hendak diswastakan ataupun tidak dan kalau terpaksa diswastakan kerana kita faham sekiranya satu-satu syarikat itu hendak diberi peranan yang lebih penting dan boleh menjalankan peranan dengan lebih berkesan lagi, ianya tidak dapat dielakkan daripada diswastakan, hendaklah seboleh-bolehnya peranannya apabila diswastakan itu tidak lari daripada matlamat asal iaitu untuk membangunkan tanah-tanah, kawasan-kawasan yang dimiliki oleh bumiputera. Dan kita juga tidak menghalang daripada Perbadanan Pembangunan Bandar ini untuk menggalakkan perniagaan-perniagaan atas dasar usaha sama di antara bumiputera dan juga bukan bumiputera. Tetapi seboleh-bolehnya janganlah peranan bumiputera itu sebagai 'sleeping partner', sahaja, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya peranan UDA ini hendak dihebahkan kepada umum dan hendaklah diselaraskan dengan fungsi kementerian-kementerian yang sedia ada terutama sekali Kementerian Pembangunan Usahawan dan saya berpendapat Kementerian Pembangunan Usahawan boleh menggunakan UDA ini untuk membangunkan usahawan-usahawan yang ada sekarang ini.

Yang kita tahu kebanyakan usahawan-usahawan yang ada sekarang ini masih lagi tidak faham berkenaan dengan bidang tugas UDA ini. Oleh sebab itu, mereka hanya mengharapkan agensi-agensi kerajaan yang ada di peringkat negeri sahaja, terutama sekali Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Pembangunan Usahawan menyediakan suatu senarai lengkap syarikat-syarikat hak milik UDA dengan hartanya sekali, tanggungannya sekali sama ada hak-hak milik ini masih kekal di tangan UDA ataupun sudah dijual ataupun di atas nama anak-anak syarikat.

Kalau sekiranya ini tidak dibuat, maka apabila UDA diswastakan kelak dan dimasukkan di dalam Bursa Saham, pada waktu itu sudah tentu orang-orang yang hendak minta untuk memiliki syarikat ini sudah nampak harta-harta yang ada itu dan mereka sudah tentulah mendapat peluang untuk mencari keuntungan dengan lebih mudah lagi dan seboleh-bolehnya kalau sekiranya hak milik UDA yang ada sekarang ini memang mempunyai harapan untuk menjadi satu syarikat gergasi, hendaklah lebih daripada 50% hak milik itu dipegang oleh agensi-agensi kerajaan yang boleh memberi kepentingan kepada rakyat terutama sekali kaum bumiputera.

Oleh yang demikian, kerana perkara ini telah dibincangkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, maka dengan ini, saya menyokong Usul ini dengan harapan kerajaan memberi perhatian khusus bersangkut dengan UDA dan bidang tugasnya yang akan dijalankan kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Pihak kementerian diminta menjawab.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan saya rasa yang telah memberikan pandangan ikhlas mereka terhadap rang undang-undang yang telah dibentangkan iaitu untuk membubarkan UDA.

Tetapi keseluruhannya perlu juga saya menjelaskan iaitu apabila dikatakan tentang premis bumiputera di ibu kota sebanyak 5%, ini merupakan kajian yang diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan mula-mula beliau masuk kementerian untuk memastikan UDA mengkaji berapakah ramainya atau berapakah bilangan premis-premis di bandar raya yang diduduki oleh kaum bumiputera?

Selepas daripada dibuat kajian itu barulah timbulnya perkara-perkara ini dan kementerian membuat kepastian semoga peranan-peranan UDA harus ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Ketiganya, kita tahu ada banyak percanggahan pendapat tentang apa yang akan terjadi kepada UDA selepas ini. Apa yang berlaku sekarang ialah persyarikatan bukannya penswastaan. Memang walaupun dikata ada tohmahan-tohmahan tetapi sebenarnya tidak ada di dalam perancangan sehingga kini untuk diadakan penswastaan kepada UDA.

Kementerian akan memastikan bahawa peranan-peranan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa kerana UDA masih lagi di bawah kementerian dan pemegang sahamnya ialah Kementerian Kewangan (Diperbadankan) atau, dengan izin, Ministry of Finance (Incorporated) yang mana ahli-ahli lembaga pengarahnya akan dilantik sendiri oleh kementerian. Itulah di antara perkara-perkara asas.

Saya ingin pergi kepada jawapan-jawapan khusus yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tentang hutang-hutang UDA daripada kerajaan, untuk makluman Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim iaitu sehingga tahun 1995 hutang UDA ialah sebanyak RM1,313.12 juta. Jumlah dibayar balik sebanyak RM928.15 juta yang mana bayaran balik faedah sebanyak RM147.59 juta. Baki yang masih berhutang setakat 31hb. Disember, 1995 ialah RM910.68 juta termasuk faedah sebanyak RM210.12 juta.

Seterusnya, tentang soalan iaitu sama ada UDA pada masa depan bertindak sebagai badan kawal selia tanah-tanah bumiputera. Sebagai sebuah anak syarikat UDA Holdings Sendirian Berhad tidak mempunyai kuasa untuk mengawal selia tanah dan ruang niaga yang diperuntukkan kepada bumiputera.

Kerajaan perlu menimbang untuk menubuhkan badan kawal selia untuk memberi kuasa tertentu kepada agensi sedia ada bagi mengawal selia tanah an ruang niaga untuk bumiputera.

Tentang premis-premis UDA yang dahulunya, yang telah bertukar tangan, sebenarnya UDA tidak mempunyai kuasa untuk menahan para pembeli yang pada peringkat dahulunya dijual kepada bumiputera untuk menjual kembali ruang-ruang niaga ataupun aset-aset yang telah mereka beli daripada UDA untuk dijual kepada bangsa-bangsa lain.

Tetapi apa yang berlaku di Johor, Kerajaan Negeri Johor telah menggazetkan tanah-tanah yang diberi kepada UDA di bawah lot bumiputera yang mana tidak dapat dijual kepada bukan bumiputera selepas daripada itu.

Kita harap kerajaan-kerajaan negeri lain pun boleh mengikut contoh yang sama agar tanah-tanah yang diberi kepada UDA itu diletak di bawah lot bumiputera supaya ianya tidak dapat dijual kepada bukan bumiputera.

Tentang cerita UDA membina padang golf di Bertam dan lain-lain, sebenarnya Projek Bertam merangkumi satu pembangunan yang komprehensif. Ia merangkumi pembangunan bandar baru, pembangunan industri, kawasan perumahan termasuk rumah kos sederhana dan rumah murah dan juga kawasan rekreasi. Padang golf adalah satu komponen kepada pembangunan komprehensif bertujuan menjadi tarikan pembangunan kawasan itu.

Berhubung dengan cerita-cerita Peremba Berhad, Vision City dan Metrojaya yang dilepaskan oleh UDA, sebenarnya projek-projek ini merupakan projek yang diluluskan oleh kerajaan untuk diswastakan kepada bumiputera pada peringkat awalnya.

Berkenaan dengan tanah-tanah Melayu di Sungai Penchala, Kampung Baru yang patut dibangunkan oleh UDA, sebenarnya pada tahun 1970-an dan 1980-an, UDA ada merancang untuk membangunkan tanah-tanah tersebut, tetapi tidak mendapat persetujuan daripada tuan-tuan tanah berikut.

Mengenai cadangan untuk UDA memainkan peranan proaktif, ini soalan daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, untuk membangunkan kawasan-kawasan di Putrajaya, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan tersebut. Sebenarnya UDA telah dan sedang mengkaji untuk memajukan beberapa tanah di kawasan-kawasan tersebut.

Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, berkenaan dengan penyertaan bumiputera yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali tadi, kita tidak ada angka-angka keseluruhannya, tetapi untuk di Kuala Lumpur, penyertaan bumiputera di kompleks-kompleks adalah seperti berikut:-

- (i) untuk BB Plaza, jumlah lotnya 132, bumiputera 62 dan bukan bumiputera 47. Ini merupakan penyertaan 70%;
- (ii) untuk Kompleks Pertama yang banyak dibincangkan tadi, daripada 123 jumlah lot, 91 adalah milik bumiputera dan 11 bukan bumiputera;
- (iii) untuk Hentian Puduraya, milik bumiputera ialah 184 dan bukan bumiputera 91;
- (iv) untuk Cahaya Suria, 15 bumiputera dan 11 bukan bumiputera.

Keseluruhannya, berkenaan dengan premis-premis UDA, sebenarnya 71.5% daripada premis UDA disewakan kepada bumiputera. Mengikut penjualan asetnya, ruang perniagaan 76.7% adalah dijual kepada bumiputera, manakala untuk rumah kediaman 80.4 dijual kepada bumiputera.

Berkenaan dengan pembinaan rumah-rumah kos rendah oleh UDA, sebenarnya dalam skim-skim perumahan yang dibangunkan oleh UDA, terdapat rumah jenis kos rendah dan juga kos sederhana. Ini terbukti bagi skim perumahan di Tampoi, Johor, di Taman Tun Hussein Onn, Selangor dan kini di Jalan Baru Seberang Perai, Pulau Pinang. Bilangan rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh UDA ialah sebanyak 4,944 iaitu 35% daripada keseluruhan rumah yang dibina oleh UDA. Daripada bilangan tersebut, 70% ataupun 3,504 unit telah dijual kepada bumiputera.

Berkenaan dengan soalan dari Yang Berhormat Tuan Rahim Baba mengenai UDA hendaklah memilih lot-lot yang strategik tertentu di kompleks-kompleks perniagaan. Sebenarnya di BB Plaza dan Cahaya Suria, memang lot-lot yang strategik di tingkat bawah dan lain-lain dikhaskan kepada bumiputera.

Dalam kompleks-kompleks baru seperti Green Town Mall Ipoh, sebenarnya yang telah diungkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal tadi, 50% dikhaskan kepada bumiputera. Ini termasuk lot-lot yang paling strategik yang dipilih khas. Banyak daripada lot-lot ini masih lagi kosong, Yang Berhormat, untuk mendapatkan bumiputera yang sesuai supaya dapat diisi. Begitu juga di Plaza Angsana di Johor Bahru, 50% daripada lot-lot yang strategik dipilih dan dikhaskan kepada bumiputera. Usaha-usaha pemasaran kepada bumiputera juga sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba juga menyatakan yang UDA terlalu diverse, dengan izin, atau terlalu banyak perniagaannya. Sebenarnya penyertaan dalam berbagai-bagai perniagaan merupakan program awal UDA juga untuk membantu usahawan bumiputera menceburkan diri dalam dunia perniagaan dengan matlamat menyerahkan perniagaan kepada usahawan-usahawan bumiputera setelah perniagaan itu berjaya. Usahawan-usahawan dapat berdikari. Setelah dikaji semula, program ini telah pun dihentikan. Buat masa kini, yang ada itu hanya merupakan syarikat-syarikat subsidiari yang telah ditubuhkan dahulu.

Keseluruhannya, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memang saya yakin dan saya setuju bahawa pandangan-pandangan yang telah diutarakan itu merupakan pandangan-pandangan ikhlas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi di masa yang

sama, kementerian juga akan memastikan yang peranan UDA tidak akan diselewengkan daripada peranan asalnya dan pada masa kini, memang tidak ada hajat di kementerian supaya UDA disyarikatkan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (SYARIKAT PENGGANTI) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Rang Undang-undang untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan dalam suatu syarikat, untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat itu, untuk memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membentangkan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar kepada suatu syarikat pengganti untuk membuat peruntukan kewangan bagi syarikat itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan.

Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan, sukalah saya menegaskan bahawa syarikat baru yang ditubuhkan menggantikan UDA akan meneruskan peranannya sebagai syarikat pembangunan bandar yang lebih cekap dalam usaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam kegiatan perniagaan dan ekonomi bandar.

Sukalah saya menegaskan bahawa persyarikatan UDA tidak akan menjejaskan objektif dan dasar-dasar kerajaan. Dasar dan matlamat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat menerusi pembangunan bandar akan diteruskan oleh UDA menerusi entitinya yang baru. Ini termasuklah pemasaran, pengagihan premis yang dibina dan pemberian diskaun kepada pembeli serta penyewa bumiputera. Khidmat perundingan untuk memajukan tanah bumiputera dan pemberian kerja-kerja kontrak kepada pemborong dan profesional bumiputera juga akan diteruskan.

Walaupun UDA telah disyarikatkan sebagai syarikat milik kerajaan, ahli-ahli lembaga pengarah syarikat akan sentiasa mengawasi dan memastikan program dan aktiviti syarikat sentiasa mengambil kira kepentingan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan mensyarikatkan UDA, syarikat pengganti akan menjadi lebih efisien, pelaksanaan projek menerusi entiti korporat, proses kerja, sistem dan prosedur dijangka dapat memperkukuhkan keupayaan bersaing.

Persyarikatan UDA juga dapat memanfaatkan harta untuk memperoleh sumber pembiayaan pembangunan dan dengan ini dapat mengurangkan pergantungan kepada sumber-sumber kewangan kerajaan.

Syarikat UDA Holdings akan memberi penekanan kepada pembangunan usahawan melalui projek-projek pembangunan bandar dengan:-

- (i) memperkukuhkan usahawan yang sedia ada yang terdiri dari peniaga, vendor, kontraktor, perunding dan lain-lain;
- (ii) memberi keutamaan kepada usahawan tulen yang melaksanakan sendiri kontrak projek yang diperolehi dan menjalankan perniagaan di ruang niaga yang disewa dari UDA. Mereka ini akan terus diberi sokongan supaya menjadi syarikat kontraktor dan retailer bumiputera yang teguh dan meningkat kepada peringkat antarabangsa;
- (iii) meningkatkan pembinaan kompleks perniagaan di pusat-pusat komersil di bandar-bandar baru yang dimajukan;
- (iv) meningkatkan pembinaan rumah kedai berharga sederhana yang mendapat sambutan baik dari usahawan bumiputera di kawasan-kawasan pertumbuhan utama dan bandar-bandar di peringkat kedua; dan
- (v) melaksanakan pendekatan cross-subsidy bagi mengurangkan masalah daya maju projek-projek pembangunan harta tanah.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh UDA Holdings akan mempertingkatkan aktiviti pembangunan bandar untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan syarikat dan menyumbang kepada pembangunan usahawan memandangkan sektor swasta kurang memberi perhatian khususnya di dalam menempatkan bumiputera di kompleks-kompleks perniagaan. Kesemua 677 kakitangan UDA ini akan diberi pilihan untuk berkhidmat dengan syarikat pengganti dengan terma dan syarat perkhidmatannya lebih baik sebagaimana yang ditetapkan mengikut garis panduan persyarikatan badan-badan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar yang dibubarkan kepada Syarikat UDA Holdings Sdn. Bhd. untuk membuat pengaturan kewangan dan perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dengan apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995 dibentang untuk kelulusan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perletakhakan harta hak dan liabiliti Perbadanan Pembangunan Bandar dalam suatu syarikat untuk membuat pengaturan kewangan bagi syarikat itu untuk memperuntukkan perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

5.16 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya cukup gembira apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri waktu membentangkan rang undang-undang ini memberi penekanan sekali lagi bahawa peranan dan fungsi UDA tidak akan berubah. Perubahannya ialah daripada sebuah perbadanan kepada sebuah syarikat, bererti UDA nanti akan berfungsi sebagai sebuah syarikat, manakala pemiliknya ialah kerajaan sendiri (Minister of Finance Incorporated).

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian di sini, sebagai lanjutan kepada perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995 yang ada kaitan dengan rang undang-undang ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini, untuk menyatakan antara lain, saya kira sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan di mana pengerusi-pengerusi syarikat, perbadanan ataupun agensi yang dimiliki oleh kerajaan termasuk ketua pengarah yang berkhidmat di sesebuah syarikat agensi ataupun perbadanan kerajaan mengisytiharkan harta masing-masing kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kepada menteri yang bertanggungjawab.

Selama ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai soal tranparensi dahulu - kepimpinan terbuka yang tulus. Antara lain saya mencadangkan perkara ini sebab selama ini menteri-menteri, timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen mengisytiharkan harta, sebab kebimbangan mereka yang dilantik mendapat jawatan kerajaan ini boleh menyalahgunakan jawatan dan membuat harta melalui jawatan yang mereka pegang.

Manakala jawatan-jawatan lain yang saya kira lebih penting untuk kita tentukan bahawa ianya dipimpin dengan secara bersih, dengan secara terbuka. Maka jawatan-jawatan ini, saya kira sudah sampai masanya mereka juga turut disyaratkan mengisytiharkan harta masing-masing. Mungkin saya tidak tepat, tetapi am atau umumnya saya melihat daripada jauh ada pengurus besar atau pengarah urusan ataupun mereka yang bertanggungjawab, apa post pun yang penting, kira number one or number two post bahawa cara dan gaya hidup mereka amat luar biasa dengan pendapatan yang mereka perolehi di agensi yang mereka berkhidmat ataupun bertugas.

Sebab itu, saya kira wajar bahawa bukan sahaja di agensi UDA ini, cuma saya mencadangkan sempena dengan perbahasan rang undang-undang ini, supaya mereka ini mengisytiharkan harta masing-masing dan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri yang bertanggungjawab mengetahui bagaimana mereka yang diamanahkan memimpin agensi yang mereka dipertanggungjawabkan supaya ianya tidak disalahgunakan.

Oleh itu, dari segi UDA sesudah ianya dijadikan syarikat, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan memberi jaminan ianya akan lebih cekap, akan lebih efisien sebagai Pemangkin, sebagai syarikat yang bertanggungjawab untuk memajukan properties sama ada ruang niaga, kedai, rumah, memasar, khidmat runding dan sebagainya. Tetapi saya ingin mencadangkan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kecekapan dan keterbukaan ini, supaya di bahagian pemasaran, apabila UDA memajukan sesuatu harta tanah sama ada bentuk ruang niaga ataupun rumah, ataupun apartment dan seumpamanya, jawatankuasa yang memilih pembeli-pembeli daripada ribuan pemohon, pastikan mereka menjalankan tanggungjawab dengan adil.

Maknanya, mesti ada garis panduan yang jelas, terutamanya kalau rumah kedai yang sederhana dan rumah murah kerana ada juga pembeli-pembeli yang mengguna kebijaksanaan mereka melalui saluran-saluran tertentu dan membeli semata-mata untuk speculation. Negeri Johor sudah pun menggezet, sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ruang-ruang yang dikhaskan untuk bumiputera tidak boleh dijual-beli lagi. Ianya menjadi hak milik bumiputera. Negeri lain belum. UDA juga boleh mengambil daya inisiatif dengan berbagai-bagai cara.

Pertamanya, pastikan pembeli-pembeli itu bukan golongan yang bertujuan untuk membuat speculation, untuk mencari untung berniaga ruang kedai properties. Tetapi kita buat itu dan jual kepada mereka yang benar-benar hendak berniaga, yang belum lagi mendapat peluang. Jangan orang yang sama diberi juga. Lepas dibeli, dia juga dapat. Mula-mula bapa, kemudian nama isteri, kemudian nama anak. Dia tak duduk pun di situ, tetapi dia beri sewa.

Tengoklah Impian Kota di Jalan Kampung Attap, berapa ramai pembeli asal duduk di situ kalau tidak sebahagian besar ia disewa kepada pihak-pihak luar. Itu sebagai contoh, berapa ramai? Untuk disewa. Bermakna mereka tidak perlu. Yang saya bercakap ini UDA menjadi pemangkin kepada mereka yang memerlu ruang niaga, yang belum ada tempat tinggal, yang memerlukan rumah, itu priority UDA. Bukan diperalatkan oleh sesetengah pihak. Bila kita tanya berapa jumlah bilangan bumiputera? Angkanya 70%, betul. Tetapi yang berhak, dari segi keadilan ini yang berhak. Betullah orang Melayu, Ibrahim Ali pun Melayu, Yang Berhormat Faridah Abu Hassan pun Melayu, bolehlah sebut jumlah Melayu. Melayu macam mana? Melayu yang belum lagi diberi peluang, Melayu yang perlu diberi pembelaan.

Itu yang menjadi asas, menjadi pokok kegelisahan mereka yang membangkit kritikan ataupun pandangan kepada pihak UDA, supaya orang yang benar-benar ini hendak ditentukan macam mana. Jawatankuasa ini biar benar-benar transparent. Kalau boleh ada komiti bukan sahaja pihak pengurusan. Ada sesetengah orang marah kepada Lembaga Pengarah, marah kepada Pengerusi. Manipulasi di peringkat pengurusan pun tidak sedikit. Kenapa tidak? Kalau ada Lembaga Pengarah dalam syarikat ataupun UDA, salah seorang Ahli Lembaga Pengarah pun ada dalam komiti mungkin sudah ada, tambah lagi yang lain-lain. Pastikan transparent betul-betul supaya orang-orang yang mendapat peluang ini - kalau tidak teruklah, Tuan Yang di-Pertua. Satu bangunan kalau kita majukan, paling tinggi 80 unit, 100 unit, 200 unit, pemohon 3,000, 4,000 orang.

Walaupun ramai tak dapat, tetapi kalau kita dengar orang yang dapat, orang yang patut dan wajar dapat, sejuk hatinya. Tetapi kalau dia tahu yang dapat itu pihak-pihak tertentu yang mengguna nama orang yang tertentu, memang naik meter, Tuan Yang di-Pertua. Ini isunya, itu satu. Saya hendak minta kementerian pastikan. Begitu juga Jawatankuasa Tender. Kalau hendak menolong, projek mesti siap - tetapi hendak menolong. Biar ramai-ramai mendapat manfaat. Fikirlah caranya, ini perkara yang kita sebut selalu.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting ialah bahagian audit dalam. Dalam sesebuah agensi, termasuk syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan, selalunya jawatankuasa audit mendapat perhatian bila dia ada masalah. Bila timbul masalah penyalahgunaan kuasa, syarikat rugikah, penyelewengan, maka jawatankuasa audit ditubuhkan - Jawatankuasa Audit Pengurusan, Jawatankuasa Audit Kewangan, jawatankuasa audit itu, jawatankuasa audit ini. Kalau tak cukup, cari lagi daripada luar. Tetapi tolong pastikan semua agensi milik kerajaan termasuk syarikat yang mengambil alih UDA, jawatankuasa audit mestilah diberi keutamaan. Kalau peraturan tidak cukup diberi kuasa lebih.

Saya harap Ketua Jabatan Audit Dalam, yang mana syarikat agensi kerajaan seboleh-bolehnya direct responsible, report direct kepada menteri yang bertanggungjawab. Menteri pun kadang-kadang kena panggil. Jangan post kabinet yang datangnya Ketua Pengarah ataupun Pengerusi. Kalau masalah berbangkit, tak jumpalah dengan pegawai-pegawai di peringkat bawah, 'at time, at certain time', tolong panggil juga Pengarah Bahagian Audit Dalam ataupun Bahagian Kewangan, Pengarah-pengarah, waktu tidak post kabinet, panggil. Mungkin ada benda-benda yang hendak bercakap. Daripada dia balik bercakap dengan isteri dia, lebih baik dia bercakap dengan menteri. Mungkin ada dia hendak melahirkan perasaan, dia hendak luahkan perasaan dia, ada peraturan-peraturan tak betul. Jangan sudah ada masalah, baru hendak tubuhkan jawatankuasa audit. Bersidanglah audit. Panggil orang itu,

panggil orang ini. Selalu kita bertindak selepas jadi. Sebelum jadi, kita tidak betulkan, 'tighten kita punya belt'.

Saya hendak minta bukan sahaja Kementerian Pembangunan Usahawan, tetapi semua agensi kerajaan, terutamanya bahagian audit. Kalau tak cukup kakitangan bahagian audit, bahagian audit kena tambah kakitangan. Mereka mesti diberi kuasa, peraturan yang cukup untuk 'interfere' dan menteri mesti ada 'direct access dengan pihak audit ini supaya dia tahu 'what is going on', procurement macam mana, pemberian tender macam mana. Sedikit-sedikit, Tuan Yang di-Pertua, bunyinya beli pen sahaja, bunyinya beli dakwat, beli kertas. Ada untung kita terpaksa buat purchasing tanpa tender, dibenar juga oleh Perbendaharaan, kononnya hendak cepat. Ini urgent, maka belilah, tak kira beli di mana, harga berapa pun. Ada peruntukan juga macam itu. Sebab mungkin kena tahu walaupun pen, sebab kalau volume itu banyak, banyak duitnya, harta rakyat, tidak sedikit.

Saya hendak tekan sangat mengenai dengan audit dalam. Setiap agensi kerajaan, lebih-lebih lagi UDA oleh kerana dia agensi besar sekarang. Harta pun banyak, tanah pun banyak, projek pembangunan berjalan berbilion ringgit. Memang kita sendiri pun kalau tanya menteri, tanya timbalan menteri, tanya ketua pengarah pun dia tak tahu. Mungkin pegawai-pegawai sesetengah dia tak kenal di peringkat bawah. Tambah lagi yang atas meeting dengan ataslah, jangan meeting dengan bawah. Tak tahu 'what is going on' di peringkat bawah. Turun padang, turun padang, turun padang. Pihak kementerian, menterikah, ketua setiausaha jangan semata-mata sepanjang masa dengar laporan daripada pihak pengurusan atas sahaja, cross taklimat. Sudah sampai masanya cross taklimat. MARA itu dengar Ketua Pengarah - ketua pengarah, ketua pengarah, ketua pengarah sahaja. Orang di bawah pun kena dengar juga. Kena dengar juga di peringkat bawah - Pengarah Pentadbiran.

Tetapi yang paling afdal sekali 'take care' bahagian audit, 'everything is safe,' insya-Allah. Tetapi 'make sure that' orang di bahagian audit ini pun betul-betul bersih. Dalam Badan Pencegah Rasuah, seperti polis dia menjaga undang-undang. Polis langgar undang-undang pun ada juga. Pegawai yang bekerja dengan Badan Pencegah Rasuah pun akhir sekali dia rasuah pun ada. Di Kelantan, negeri saya ada pencegah maksiat. Kerja dia kejar orang buat maksiat. Akhir sekali dia sendiri kena tangkap buat maksiat, bukankah gila itu? Saya malas hendak sebut namanya, sudah keluar dalam surat khabar, saya ingat lagi. Jangan gempar sekali-sekali, tak boleh. Ada dengar masalah, kita pun semangat, menteri pun buat kenyataan, lepas itu reda. Lepas itu timbul pula, bercakap pula. Consistent ini penting. Checking consistent penting, tidaklah tunggu berbangkit baru kita hendak bertindak, kita hendak react. Pihak bawah pengurusan pun bila menteri minta baru waktu itu sibuklah, dengan taklimat, dengan detail, lepas itu kita reda, dia pun relax. Timbul pula, kita bertindak pula. Tetapi kalau consistent, insya-Allah.

Elok sangat kalau boleh menteri ada ruang nanti, agensi-agensi di bawah ini adakan cross check meeting, minta laporan daripada pihak audit, terus menerus. Income expenditure, perbelanjaan, walaupun kadang-kadang beli pen kena tahu. Janganlah biarkan audit, serah cukup tahun, audit. Lepas itu Ketua Audit Negara buat audit baru kita bentang, lambat. Benda sudah berlaku tiga-empat dahulu baru kita tengok laporan. Rupanya dahulu tak betul.

Apa guna kalau dahulu sudah 2 tahun berlaku baru bentang sekarang ini? Kita hendak buat sekarang ini. Jadi, audit ini adalah penting, pertamanya dalam syarikat pengganti UDA ini. Sebab dari segi harta yang ada, masya-Allah, benar-benarlah seboleh-bolehnya, bukanlah kita hendak kata manusia ini tidak jujur, tidak adil, sebab saya pun tidak mengatakan saya ini jujur. Diberi benda banyak kepada saya untuk menjaga dan orang tidak kawal, kita manusia ini bukannya malaikat - betul atau tidak? Betul. Macam cerita Mohamad Sabu dahulu, saya tidak salahkan Mohamad Sabu, fasal orang pergi ke bilik dia, hendak buat macam mana?

Tuan Ding Seling: Siapa itu Mohamad Sabu?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Dia tidak cari, barang mari serah, dia pun sapulah. Serupa juga dengan harta-harta ini. Kita tidak boleh jamin sebab kita bukan malaikat. Yang Berhormat Dato' Hashim Safin - suka. Betul, kita bukan malaikat dan manusia ini lazimnya, sometimes we cannot stand - success kita tidak boleh stand. Kekayaan kita tidak boleh stand - hormonnya mudah naik - tanya Tuan Rahim Baba, kerana dia selepas berjaya yang dia tambah satu lagi. *[Ketawa]*. Tetapi kalau mendapat keizinan, tidak apalah. Betul atau tidak? Lagi bagus, lagi afdal, maknanya kita ikut nabi. Hormon dia mudah naik, manusia ini tidak boleh stand, success, sebab itu kita kena kawal. Saya pun bercakap ini supaya menyedarkan diri saya juga.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat menyatakan hormon Yang Berhormat juga naik tetapi hormon Yang Berhormat Rahim Baba naik tambah satu lagi. Jadi, hormon Yang Berhormat Dato' Ibrahim adakah kemungkinan tambah satu lagi? Ada dua lagi.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Payah hendak jawab ini, sebab.....

Tuan Ding Seling: Boleh jawab?

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, hormon saya sekarang ini hormon perjuangan lagi, tidak fikir benda lain lagi setakat ini, belum mampu.

Tuan Ding Seling: Tidak sama halusnya.

Dato' Haji Ibrahim bin Ali: *[Ketawa]* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maknanya saya sebutkan tadi ialah kita mengawal dari segi undang-undang tetapi yang lebih penting ialah keikhlasan orang yang diberi tanggungjawab dan kita tidak dapat pastikan. Today they are good but tomorrow might not. Dan hari ini pula dunia cukup canggih. Saya sudah sebut banyak kali tentang cerita Bank Bumiputera (BMF) dahulu mengenai RM2.5 bilion - ingat tidak? Siapa yang terlibat, orang yang lulus Chartered Accountant, orang yang ada kelulusan tinggi-tinggi, orang yang tidak ada pelajaran ini tidak erti, sebab itu dia curi ayam, dia curi telur ayam, curi basikal, tetapi yang ada kelulusan tinggi, tanggungjawabnya tinggi, pangkatnya tinggi, dengan gelaran-gelaran pula, orang hendak tegur pun tidak berani, pegawai-pegawai bawah hendak tegur pun tidak berani, dia main buat memo, mesti kena jalan, dia telefon mesti kena buat - macam mana kita hendak kawal?

Tuan Yang di-Pertua, ini harta banyak tidak sedikit. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mungkin tahu semua apa yang berlaku dalam negara ini, takkan ini semua menjadi tanggungjawab Perdana Menteri. Perdana Menteri ada agensi-agensi dan lantik orang-orang dia untuk bertanggungjawab. Kita tidak tahu di bawah ini macam-macam lagi. Harta-harta rakyat ini kena dijaga dengan baik. Saya bangkitkan perkara ini sebab saya kira kalaulah pihak audit dalam yang disebutkan tadi, kakitangannya cukup, jabatan ini cekap, berfungsi, selalu berinteraksi dengan menteri dan pengerusi serta lembaga pengarah - sekarang selalu mesyuarat lembaga pengarah. Ketua Pengarah sahaja yang hadir dan ada waktu-waktu mungkin pihak audit dipanggil - itu sahaja. Ini dijadikan agensi utama mulai daripada sekarang kalau kita hendak jaga. Saya hendak bercakap mengenai soalan transparance dan penyalahgunaan kuasa ini, kalau ini semua dapat kita kawal, insya-Allah matlamat juga akan mudah tercapai, tetapi kalau pemandu kepada sebuah motokar atau keretapi, walaupun objektif ada, peraturan ada, tetapi kalau pemandu itu ada juga niat lain, sedikit-sedikit waktu dia memandu itu, maka kereta itu boleh jadi terbabas, tidak sampai lebih awal ke tempat yang dituju, lambat, ambil masa dan macam-macam. Jadi, audit tadi saya benar-benar harap, selain daripada pengisytiharan harta dan memastikan bahawa tindakan-tindakan ini dibuat sebelum sesuatu terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, satu lagi, UDA ini akan menjadi syarikat kemudiannya nanti, selain membina, memaju dan menjual tetapi ada juga property, ruang-ruang kedai ataupun bangunan di mana terdapat ruang kedai yang dibina oleh pihak-pihak lain dan oleh syarikat-syarikat lain. Dan mereka juga bangunan untuk

dijual. UDA sendiri sudah untung, ada kewangan, ada tabung dan UDA juga boleh terlibat dalam - seperti tadi sudah disebut banyak dah, penglibatan UDA dalam berbagai-bagai kegiatan. UDA juga ada anak syarikat membeli properties yang dibina oleh syarikat-syarikat lain di tempat yang strategik. Tiada salahnya, sebab di tempat strategik, beli macam mana pun kalau harta dia tidak rugi - kalau properties, dia selalu naik, bukan turun, tidak ada depression, jarang berlaku. Dahulu berlaku, pada tahun 1980-an dahulu berlaku, tetapi naik balik - UDA boleh berbuat demikian, kalau dahulu UDA jual kepada si Mamat, kemudian Mamat telah jual kepada bukan bumi, UDA ada tabung, UDA beli balik sebagai custody. Duit ada, kewangan ada, peruntukan ada. Maknanya, akhir sekali tidak tunggu nanti negeri hendak gazet kawasan itu sebagai kawasan bumiputera kerana UDA sendiri kena menambah bilangan, jangan tunggu kita hendak buat tempat-tempat yang strategik - beli. Kalau tengok di Jalan Tengku Abdullah, Jalan Tun Razak, ada hendak jual dimajukan oleh Tan & Tan, satu atau dua unit, UDA tolong beli, sebab orang lain hendak beli tidak boleh, UDA tolong beli dahulu. Milik oleh UDA, barulah boleh panetrade, barulah boleh letak satu atau dua orang bumiputera dalam tiap-tiap bangunan.

Ini hendak harapkan UDA, UDA pun, bangun tidak seratus peratus beri kepada bumiputera. Betullah tadi dengan angka 91 untuk bumiputera, 70 unit di Cahaya Suria untuk bumiputera, 11 untuk bukan bumiputera, bumiputera lebih, yang UDA itu bumiputeralah - kita hendak tingkatkan dahulu, sudah sama nanti tidak apalah. Ini pun kita sudah beri kepada orang lain setengah. Boleh tolong beli bangunan di tempat-tempat lain? Supaya kita dapat letak letak bumiputera di tempat-tempat yang strategik, mana-mana bangunan di kawasan Chow Kit Road, kalau boleh beli, beli kemudiaan jual kepada bumiputera. Itu fungsinya. Itu cadangan saya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya rasa cukuplah. Kalau saya tersasul ataupun tersilap, saya minta maaf. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Ding Seling: Kementerian di minta untuk menjawab.

5.39 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Terima kasih saya ucapkan sekali lagi kepada Dato' Ibrahim Ali yang telah memberi pandangan-pandangannya dan berkenaan dengan keadilan yang diwujudkan berkenaan dengan ketelusan (transparency), dengan izin, yang harus berlaku bukan hanya di UDA tetapi di semua agensi-agensi kerajaan dan kementerian akan pastikan bahawa bahagian pemasaran - saranan-saranan ini akan dapat dilaksanakan dan juga bahagian Jawatankuasa Tender. Dan pandangan supaya diadakan audit dalam, ini diadakan dari masa ke semasa ataupun konsisten ataupun berterusan oleh Yang Berhormat tadi akan diambil kira dengan sebaiknya.

Pada keseluruhannya saya sekali lagi ingin merakamkan rasa terharu saya dengan pandangan-pandangan ikhlas yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Rang undang-undang ini dan ini menggambarkan harapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang merupakan wakil kepada bumiputera di peringkat bawah tentang prestasi yang harus dimainkan oleh UDA.

Insyallah, kementerian akan memastikan dengan pengkorporatan ini, persyarikatan ini bahawa UDA akan dapat memastikan yang peranan-peranan ini akan dapat dimainkan dengan lebih efisien lagi di masa-masa yang akan datang.

Sekali lagi, saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peranan membahaskan Usul ini. Sekian.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 1996

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.44 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 telah dikuatkuasakan dalam tahun 1966 bagi mengawasi tindak-tanduk pihak-pihak yang terlibat dalam operasi sesebuah syarikat bagi menjamin kepentingan pelabur-pelabur dan memastikan supaya suasana pelaburan negara kita berkembang dengan sihat selaras dengan aliran semasa sektor korporat yang semakin sofistikated.

Rang Undang-undang yang kini dibentang untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini mengandungi 21 Fasal pindaan. Sembilan daripada fasal-fasal yang terkandung di dalam rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memindahkan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong di dalam Akta Syarikat 1965 yang berbentuk administrative dan teknikal kepada menteri.

Pindaan-pindaan yang lain adalah untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor korporat dan orang awam dan juga untuk memberi lebih galakan kepada perkembangan pasaran modal negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menghuraikan pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini.

Peruntukan-peruntukan akta yang dipinda untuk memindahkan kuasa Yang di-Pertuan Agong kepada menteri ialah Seksyen-seksyen 14, 164, 194, 195, 210, 319, 324, 373 dan 374. Tujuan utama cadangan pemindahan kuasa ini ialah untuk melicinkan lagi pentadbiran akta oleh Pendaftar Syarikat supaya perkara-perkara teknikal dan administrative dapat diuruskan dan dikendalikan dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meminda Seksyen 21 adalah dibuat kerana terdapat syarikat-syarikat yang memasukkan ke dalam memorandum persatuannya fasal-fasal yang sepatutnya dimasukkan ke dalam artikel persatuannya.

Mengikut seksyen itu sekarang memorandum persatuan sesebuah syarikat hanya boleh dipinda dengan cara dan sejauh mana dibenarkan oleh Akta sahaja. Ini akan menimbulkan masalah jika peruntukan tersebut hendak dipinda. Di sebaliknya jika sebuah syarikat memasukkan fasal itu di dalam artikel persatuannya, syarikat itu tidak akan menghadapi masalah untuk memindanya kerana proses pindaan sesuatu artikel persatuan adalah lebih mudah.

Pindaan yang dicadangkan ini akan membolehkan syarikat-syarikat yang sedemikian meminda memorandum persatuannya melalui resolusi khas, seperti

dibenarkan juga di United Kingdom dan Australia asalkan pindaan tersebut tidak melibatkan pindaan kepada hak-hak mana-mana kelas syer.

Pindaan kepada Seksyen 37(2A) adalah untuk mengecualikan sesuatu tawaran untuk menjual syer atau debentur yang telah diterbitkan dan disenaraikan di sesuatu bursa saham dari kehendak mendaftar prospektus dengan Pendaftar Syarikat dan juga dari peruntukan-peruntukan akta berhubung dengan tawaran debentur kepada orang awam. Ini kerana maklumat mengenai syer atau debentur tersebut senang diperolehi serta transaksinya biasa dibuat melalui pasaran saham.

Cadangan pindaan juga memperkenalkan seksyen baru 39B bagi memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk meluluskan relief daripada kehendak-kehendak Akta Syarikat yang adakala tidak praktikal dan mustahil dipatuhi berhubung dengan bentuk dan isi kandungan sesuatu prospektus.

Seksyen baru ini diperkenalkan dengan mengambil kira pandangan sektor swasta, melicinkan lagi perkembangan pasaran modal negara kita. Dalam melaksanakan kuasa budi bicara yang akan diberi oleh seksyen baru yang tersebut, Pendaftar Syarikat akan dikehendaki untuk memastikan bahawa relief yang diluluskan tidak akan menyebabkan 'non-disclosure', dengan izin, maklumat-maklumat yang penting untuk membantu orang awam membuat penaksiran yang sewajarnya sebelum melabur di dalam sekuriti sebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seksyen 42(2) yang sedia ada sekarang ini, pendaftaran sesuatu prospektus berhubung dengan tawaran syer atau debentur sebuah syarikat kepada orang awam hendaklah disertakan dengan satu salinan semua material contracts yang disebutkan di dalam prospektus itu. Perkara tersebut mengakibatkan masalah penyimpanan kerana dokumen-dokumen itu biasanya berjilid-jilid dan tebal serta memerlukan ruang setor yang besar serta membangkitkan masalah untuk memikrofilemkan dokumen-dokumen itu.

Seksyen 42 dipinda untuk tidak lagi memerlukan dokumen-dokumen itu diserahsimpan dengan pejabat pendaftar syarikat, tetapi memadai untuk syarikat yang berkenaan menyimpan dan membukanya untuk pemeriksaan orang awam untuk tempoh selama 6 bulan setelah tarikh terbitan prospektus yang berkenaan tanpa bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kehendak Akta Syarikat, sesuatu prospektus berhubung dengan tawaran syer atau debentur kepada orang awam adalah didaftarkan sebelum tarikh ianya diterbitkan kepada orang awam. Sepanjang tempoh laku sesuatu prospektus, biasanya 6 bulan, ada kalanya terdapat perubahan penting kepada sesuatu perkara yang didedahkan di dalamnya ataupun sesuatu maklumat penting telah tidak didedahkan.

Mengikut amalan sekarang, jika prospektus itu belum diterbitkan, satu salinan nota tambahan adalah dimasukkan dan didedahkan bersama setiap salinan prospektus dan jika prospektus itu telah diterbitkan, kenyataan mengenai perubahan atau perkara yang tertinggal itu akan diumumkan melalui surat khabar. Cara ini didapati tidak memberi perlindungan yang sewajarnya kepada para pelabur kerana seorang pelabur tidak berhak menarik balik pelaburan.

Dengan pengenalan seksyen baru 42A, sebuah syarikat dalam keadaan sedemikian akan dikehendaki mendaftarkan suatu prospektus tambahan dengan Pendaftar Syarikat dan memastikan maklumat-maklumat baru itu disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan mengikut cara yang ditetapkan di dalam seksyen itu. Pelabur-pelabur juga akan diberi peluang untuk menarik balik wang yang dilaburkan tanpa penalti.

Tuan Yang di-Pertua, pematuhan dengan segala peruntukan-peruntukan akta berhubung dengan prospektus dan tawaran syer dan debentur kepada orang awam, mungkin didapati tidak praktikal dan melibatkan kos yang tinggi dan juga menjadi rintangan kepada mereka yang bercadang membuat tawaran.

Seksyen baru 47A adalah diperkenalkan bagi memberi kuasa kepada menteri untuk mengecualikan mana-mana orang dari kehendak mematuhi peruntukan-peruntukan yang tersebut atas permohonan dibuat dan dengan syor yang sewajarnya daripada Pendaftar Syarikat dan perkara ini adalah selaras dengan undang-undang persyarikatan yang terdapat di Australia dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 38(1B) (c), Akta Syarikat yang sedia ada mengecualikan seorang daripada kehendak mendaftar prospektus dengan Pendaftar Syarikat jika pelawaan untuk membeli debentur sebuah syarikat dibuat kepada sebuah prescribed corporation seperti institusi-institusi kewangan dan juga syarikat insurans, perbadanan berkanun, tabung pencen dan syarikat-syarikat asing. Pihak-pihak berkenaan adalah dianggap mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk membuat tafsiran sendiri tentang sesuatu pelaburan dalam debentur sesebuah syarikat.

Industri sekuriti dan kewangan pada amnya berpendapat bahawa pengecualian sedemikian juga patut diberi kepada pihak-pihak lain yang juga mempunyai keupayaan dan kepakaran yang sama seperti syarikat-syarikat broker saham, penasihat-penasihat pelaburan dan sebagainya yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui *Warta* Kerajaan kelak.

Seksyen baru 47B yang dicadangkan sekarang adalah untuk memberi pengecualian-kecualian yang tersebut. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 84 adalah untuk meletakkan hal-hal mengenai pengawasan dan pengawalan Industri Unit Amanah di bawah satu pihak berkuasa sahaja. Pada masa sekarang, di mana ianya terletak di bawah Pendaftar Syarikat dan juga Suruhanjaya Sekuriti

Keputusan telah dibuat oleh kerajaan supaya Suruhanjaya Sekuriti sahaja dijadikan pihak berkuasa tunggal bagi Industri Unit Amanah. Maka, adalah dicadangkan supaya kepentingan di dalam sesuatu Skim Unit Amanah dikeluarkan dari tafsiran perkataan 'interest' di bawah seksyen 84.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 121 dan 338 akan menghendaki semua syarikat tempatan dan syarikat asing mencatatkan nombor syarikatnya di atas segala dokumen-dokumen perniagaan, penyata akaun, invois dan lain-lain dokumen perdagangan. Dengan itu, nombor pendaftaran sebuah syarikat akan diketahui oleh mereka yang mengurusniaga dengan syarikat itu.

Pindaan-pindaan ini bukan sahaja akan memudahkan orang awam mendapat maklumat dan pengesahan yang dikehendaki berkaitan sebuah syarikat, bahkan orang awam akan juga mendapat tahu bahawa sesebuah syarikat itu adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi seksyen yang akan dipinda ialah seksyen 132D. Mengikut seksyen itu yang ada sekarang, Lembaga Pengarah sesebuah syarikat hanya boleh mengeluarkan saham baru bagi syarikatnya setelah mendapat kelulusan awal Mesyuarat Agung terlebih dahulu mengenai cadangan tersebut.

Kehendak untuk mengadakan Mesyuarat Agung kadangkala mempunyai kesan sampingan yang boleh menjejaskan serta melambatkan sesuatu urusan pembelian syarikat lain atau aset dengan mengeluarkan saham-saham syarikat pembeli sebagai pertimbangan.

Keputusan sesuatu Mesyuarat Agung tetap berdasarkan keputusan majoriti. Oleh itu, untuk memastikan seksyen tersebut tidak menjadi batu penghalang kepada sesuatu urusan seumpama itu, adalah dicadangkan seksyen tersebut dipinda sedikit tanpa menjejaskan tujuan asalnya iaitu untuk memberi notis awal kepada pemegang-pemegang saham, terutamanya pemegang-pemegang saham minoriti.

Dengan pindaan yang kini dicadangkan kepada seksyen 132D, sesebuah syarikat yang bercadang untuk melaksanakan urusan pembelian syarikat lain atau aset dengan mengeluarkan sahamnya sendiri sebagai pembayaran atau balasan, hanyalah perlu untuk memberi notis bertulis mengenai cadangan tersebut kepada semua

pemegang-pemegang sahamnya 14 hari sebelum urusan itu hendak dilaksanakan. Walau apa pun, pemegang-pemegang saham minoriti boleh menguatkuasakan haknya di bawah seksyen 181 Akta Syarikat 1965 di Mahkamah Tinggi jika ada bukti-bukti yang menunjukkan tindakan urusan tersebut merupakan satu penindasan atau fraud terhadap kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang terkandung di dalam rang undang-undang yang kini dibentang untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah sangat diperlukan bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor korporat dan juga industri sekuriti dan kewangan secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba.

6.00 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996, sepertimana yang telah pun dibentangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ingin saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun kementerian.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pertamanya mengenai Fasal 11 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 121 untuk mengkehendaki tiap-tiap syarikat, untuk juga menyatakan nombor syarikatnya sebagai tambahan kepada namanya pada menterinya dan tiap-tiap dokumen perniagaan notis dan sebagainya. Pindaan ini memanglah amat dialu-alukan oleh kita semua, kerana kadangkala banyak syarikat yang boleh bertukar nama hanya dengan resolusi daripada ahli pemegang sahamnya. Hari ini nama syarikat itu 'ABC' buat resolution besok boleh tukar kepada nama yang lain, tetapi saya percaya dengan adanya diletakkan nombor pada syarikat ini, jadi tidak akan menimbulkan kekeliruan kepada pelanggan-pelanggan ataupun kepada masyarakat umum.

Saya ingin juga membuat cadangan supaya pihak kementerian memikirkan yakni untuk hendak mencari duit sedikit, nombor-nombor ini ditenderkan, umpamanya nombor '888'. Saya fikir RM100,000 Mr. Yim agaknya sanggup membayarnya kalau nombor '888' - ya tak? Kalau syarikat itu nombor '888' - itu banyak nilainya. Jadi, kalau... *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Kalau RM1,000 bolehlah.

Tuan Rahim bin Baba: Ya?

Tuan Yim Chee Chong: Kalau tidak ada apa hal - boleh bayar.

Tuan Rahim bin Baba: Jadi, ini sekurang-kurangnya tidak disalahgunakan, ada pihak-pihak tertentu yang mendapat keistimewaan-keistimewaan untuk mendapatkan nombor-nombor syarikat ini ataupun nombor-nombor syarikat ini walaupun mengikut sequence, kadangkala ada pihak-pihak yang akan menyalahgunakan atau mengambil kepentingan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 19 ini, saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai akta untuk menghendaki syarikat asing untuk menyatakan nombor syarikatnya. Saya tidak tahu sama ada ada bidang kuasa Pendaftar Syarikat kita terhadap syarikat-syarikat asing, iaitu syarikat-syarikat di luar negara. Syarikat-syarikat asing yang datang untuk berurusan dengan syarikat-syarikat di negara kita ini, sesetengah syarikat itu tidak ada nombor di negeri ini kerana syarikat ini ditubuhkan di negeri asalnya. Jadi bagaimana di bawah fasal ini hendak dipergunakan untuk

mendapatkan nombor-nombor syarikat kepada syarikat-syarikat asing, kerana kalau syarikat di Malaysia memanglah kita faham bidang kuasa itu terletak kepada pihak Pendaftar Syarikat. Tetapi untuk syarikat-syarikat asing dan juga syarikat-syarikat yang tidak ada nombor, saya fikir fasal ini tidak relevan kepada kita. Adakah pihak kementerian ataupun pihak Pendaftar Syarikat menghendaki syarikat-syarikat asing juga yang hendak berurusan dengan syarikat-syarikat tempatan ataupun hendak berniaga di negara ini mempunyai nombor syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita membincangkan mengenai Akta Syarikat ini, saya juga ingin menimbulkan dan mendapatkan pandangan daripada pihak kementerian mengenai kuasa untuk melantik juruaudit (auditor). Tadi, semasa perbincangan rang undang-undang mengenai UDA, di mana sebegitu pentingnya peranan yang dimainkan oleh juruaudit. Saya dapati di bawah akta yang ada sekarang ini, juruaudit dilantik oleh syarikat yang berkenaan, baik syarikat public listed atau syarikat sdn. bhd. dan sebagainya. Juruauditanya dilantik oleh pemegang-pemegang sahamnya dan mereka ini akan menentukan bayaran yang akan didapati oleh syarikat-syarikat juruaudit ini.

Apa yang ingin saya timbulkan ialah akan timbul soal konflik kepentingan. Dari satu segi kemungkinan juruaudit ini hendak mendapatkan business hendak terus dilantik sebagai juruaudit kepada sesebuah syarikat, tetapi dari satu segi pula, kemungkinannya mereka tahu ada perkara-perkara yang tidak betul, yang berlaku di dalam syarikat ini.

Kita lihat umpamanya baru-baru ini di dalam Syarikat Perwaja. Saya tidak tahu bagaimana peranan juruaudit, walaupun juruaudit ini adalah juruaudit yang bertauliah, tetapi dia ini dilantik oleh pemegang saham itu sendiri, syarikat itu sendiri, tentulah dia terikat, tentulah dia akan timbul satu konflik. Jadi, saya harap supaya difikirkan satu mekanisme mengenai bagaimana cara perlantikan juruaudit-juruaudit kepada syarikat-syarikat ini khasnya syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat yang public listed supaya tidak ada percanggahan kepentingan. Kalau saya menjadi syarikat juruaudit, kalau saya tahu saya boleh mendapat bayaran RM1 milion ataupun RM2 milion setahun dari sesebuah syarikat, kemungkinan ada masa-masanya ada perkara-perkara yang tidak patut saya lapor akan didiadakan sahaja. Jadi, apakah tindakan kementerian kepada syarikat-syarikat juruaudit yang sedemikian? Yang kadangkalanya membuat sesuatu perkara itu bercanggah dengan apa yang mereka itu tahu, di antara kepentingan perniagaan dengan kepentingan pengauditan.

Dari segi pengauditan mungkin ada perkara-perkara yang salah laku, tetapi kalau hendak ditimbulkan, hendak dikeluarkan mungkin tahun hadapan dia tidak dapat lagi menjadi juruaudit, akan hilang peluang-peluang perniagaan. Jadi ini pihak kementerian dan Pendaftar Syarikat memikirkan satu cara bagaimana yang boleh, khasnya syarikat-syarikat awam (public listed) dan bagaimana perlantikan juruaudit-juruaudit, adakah perlantikan juruaudit ini akan ditentukan terus oleh pemegang-pemegang saham. Kalau terus pemegang saham, sepertimana yang telah pun saya katakan tadi akan berlaku percanggahan kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan saya mengenai Akta Syarikat ini dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

6.08 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah membentangkan rang undang-undang sepertimana telah dikatakan oleh beliau untuk memudahkan urusan dan transaksi oleh pihak-pihak yang terlibat dengan syarikat-syarikat.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi pandangan dan juga komen-komen saya mengenai rang undang-undang ataupun fasal-fasal yang telah dikemukakan untuk pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong tindakan kerajaan untuk memintahkan kuasa Yang di-Pertuan Agong kepada menteri memandangkan bahawa transaksi-transaksi dalam Akta Syarikat perlunya diberi kepada menteri kerana kuasa yang diberi pada menteri, delegasi kuasa akan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan tentunya ini akan menambahkan tahap efisiensi bagi pihak kementerian.

Kita juga tahu bahawa peningkatan ekonomi negara mendesak tahap efisiensi yang lebih tinggi daripada pihak kementerian, terutamanya daripada Pendaftar Syarikat. Jadi, pemindahan kuasa itu adalah wajar dan tepat pada masanya. Walau bagaimanapun, ingin juga saya menyentuh tentang Fasal 3 yang bertujuan untuk meminda seksyen 21, Akta untuk membolehkan syarikat mengubah atau memotong peruntukan dalam memorandum syarikat. Perkara ini sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri juga adalah untuk memudahkan lagi urusan-urusan dalam syarikat. Kita tahu bahawa memorandum syarikat adalah merupakan perlembagaan bagi satu-satu syarikat dan artikel service station atau perkara persatuan juga adalah menyokong kepada apa matlamat dalam memorandum sesebuah syarikat itu. Dengan pindaan ini, bermaknalah bahawa apa-apa pindaan kepada memorandum syarikat itu akan dipermudahkan, dan hanya jika ianya menyentuh tentang kelas syer yang terlibat dalam satu syarikat itu. Tetapi saya ingin memberi pandangan bahawa dalam sesuatu memorandum sesebuah syarikat itu kita perlulah berhati-hati kerana memorandum syarikat itu merupakan undang-undang yang terpenting di dalam sesebuah syarikat, dan jikalau ianya mudah diubah, mungkin ianya akan menimbulkan kekeliruan dan juga mungkin terutama kepada pemegang-pemegang saham di dalam sesebuah syarikat itu, ia mungkin mudah juga terkeliru dengan matlamat sesebuah syarikat. Kita juga tahu dalam perkembangan aktiviti-aktiviti persyarikatan, bertambahnya berbagai-bagai jenayah di dalam hal ehwal perniagaan. Ini memang kita tahu juga banyak melibatkan syarikat-syarikat.

Saya berpendapat dengan adanya banyak syarikat yang mendaftar dan kadangkala juga banyaknya syarikat-syarikat yang kita dapat, mudah didapati daripada setiausaha-setiausaha syarikat ataupun syarikat-syarikat yang menjual syarikat-syarikat kadangkala mungkin perkara-perkara ini tidak dapat diawasi, terutamanya bagi syarikat-syarikat kita dapati hanya dua orang pengarah syarikat. Kadangkala juga ada kalanya yang pengarah syarikat itu tidak tahu-menahu tentang aktiviti sesuatu syarikat itu. Ini mungkin perlu difikirkan sama ada benar-benar perkara ini akan dapat memudahkan ataupun mungkin juga menimbulkan masalah-masalah lain kepada orang awam.

Yang ketiganya, saya ingin menyentuh tentang apa yang telah dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi mengenai kepentingan penyertaan dalam Skim Amanah Unit sebagai satu kepentingan di bawah seksyen itu, di mana kepentingan ini juga dipindahkan kepada satu badan yang tertentu untuk menyelenggarakan tentang unit-unit saham. Pada hemat saya juga di bawah security commission, ini adalah satu tindakan yang baik kerana pengawasan Unit Amanah di bawah satu unit yang diawasi oleh security commission ini tentunya akan lebih memberi manfaat kepada unit-unit saham di bawah skim yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pendaftaran prospektus yang telah dikatakan tadi banyak yang telah diubah untuk memudahkan dan mungkin juga sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, material contract yang biasa dibekalkan itu tidak perlu disatukan kerana ianya mungkin menimbulkan satu masalah kerana tebal dan susah disimpan. Ianya dikatakan tadi walau bagaimanapun, boleh disemak oleh pembeli-pembeli yang berminat dengan saham-saham bagi satu syarikat yang mengeluarkan prospektus.

Dalam perkara ini, sepertimana juga yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim tadi perlulah kita memastikan bahawa maklumat-maklumat

yang disiarkan di dalam prospektus itu adalah merupakan maklumat-maklumat yang sebenarnya dan ianya tidak menimbulkan kekeliruan kepada mereka yang berminat dalam sesuatu syarikat itu, kerana bagi seseorang yang ingin mengambil bahagian dalam pembelian saham-saham dalam satu syarikat itu, maklumat yang paling penting baginya ialah prospektus yang telah dikeluarkan. Jikalau prospektus itu tidak merupakan prospektus yang valid dan credible, besar kemungkinan ianya tidak akan dapat membantu pihak-pihak yang berminat dalam satu-satu syarikat itu. Kita tidak mahu perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Juga kita percaya bahawa dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang banyak dijalankan bahawa mereka yang terlibat itu sentiasa diberi perlindungan oleh undang-undang, terutamanya undang-undang syarikat. Kita tahu undang-undang syarikat adalah satu undang-undang tebal dan payah untuk difaham oleh orang biasa. Tetapi kita juga berharap bahawa penggubal undang-undang dapat meluluskan undang-undang yang kita juga percaya undang-undang yang telah disediakan oleh pihak kementerian merupakan undang-undang yang sebenarnya membela nasib orang awam, terutamanya daripada sebarang penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berharap bahawa pihak kementerian akan sentiasa mewujudkan mekanisme untuk mengawal kegiatan-kegiatan yang berlaku di dalam syarikat-syarikat yang telah didaftarkan. Juga pihak kementerian sentiasa memberi kesedaran dan penerangan kepada orang awam bagi tiap-tiap pindaan undang-undang yang dibuat supaya maksud dan tujuan undang-undang yang diwujudkan itu untuk memberi keadilan sampai kepada matlamatnya.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yim Chee Chong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Tuan Yim. Lambat sahaja bangun.

6.18 ptg.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lambat saya bangun kerana saya hendak mendengar pandangan orang lain yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, tadi kami telah mendengar daripada Dato' S. Subramaniam, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkenaan dengan pindaan 21 fasal. Dari penjelasan beliau, kami jelas memahami kenapa kerajaan ingin meminda fasal pindaan itu. Saya berpendapat bahawa 21 fasal pindaan adalah baik, kerana Akta Ibu itu, iaitu Akta Syarikat Tahun 1965 itu ada kelemahan. Sesudah dilaksanakan selama 30 tahun sejak tahun 1965 hingga tahun ini kita dapati kelemahan. Jadi, kita buat pindaan untuk membetulkan kelemahan itu supaya kepentingan rakyat jelata akan dapat dijaga dan dijamin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tukar kuasa daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada menteri, ini adalah sesuai kerana kerajaan kita ini ataupun negara kita ini mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen. Dalam sistem ini Orang Putih kata, 'separation of power'. Separation of power adalah termasuk legislative, executive dan judiciary. Menteri adalah eksekutif. Jadi, kuasa kepada menteri untuk menjalankan undang-undang ini adalah munasabah. Jadi, saya menyokong penuh terhadap pindaan ini.

Selain daripada itu, berkenaan dengan pindaan 42A, Seksyen baru iaitu berkenaan dengan pendaftaran propektus tiap-tiap syarikat, saya ingin memperingatkan kepada kerajaan bahawa ada syarikat-syarikat berkenaan tidak mengemukakan hal yang sebenarnya di dalam prospektus, sentiasa bohong kepada pembeli-pembeli. Misalnya tentang taksiran profit ataupun forecast of the profit dalam prospektus, kalau dia kata ada untung RM100 juta, tetapi sebenarnya tidak ada, mungkin rugi. Pembeli-pembeli dia tengok - wah! Keuntungannya RM100 juta, saya pun hendak beli. Saya punya barang pergi ke pajak gadai, ambil wang untuk beli juga sebab dikelirukan, dibohong ataupun ditipu oleh syarikat berkenaan itu. Jadi, kerajaan harus mengambil

apa sahaja tindakan untuk mencegah perkara ini berlaku kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menjamin kepentingan pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, 21 Fasal pindaan adalah pindaan untuk membetulkan kelemahan Akta Ibu. Oleh kerana itu saya menyokong penuh tentang pindaan ini dan berharap supaya pindaan ini akan dapat diluluskan dengan sebulat suara di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri menjawab.

6.22ptg.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang yang dibentangkan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Rahim bin Baba, Senator Puan Kamalia binti Ibrahim dan Senator Yim Chee Chong yang telah membuat cadangan-cadangan yang baik dan juga teguran-teguran yang membina terhadap rang undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan yang mereka keluarkan akan diambil kira dan teguran-teguran yang membina juga akan diambil kira apabila pindaan rang undang-undang ini dilaksanakan.

Tentang apa yang dibangkitkan oleh Senator Rahim Baba mengenai Fasal 11 iaitu pindaan seksyen 121, suka saya menjelaskan buat masa sekarang kita tidak ada cadangan untuk menender nombor-nombor syarikat seperti yang dicadangkan, tetapi ini akan difikirkan kalau boleh.

Kedua, syarikat-syarikat asing yang tidak didaftarkan dalam negara tidak perlu mempamerkan nombor syarikat. Ini adalah hanya kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di negara kita dan yang menjalankan urusan mereka di negara kita.

Tentang juruaudit, ini adalah satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh badan profesional dan menentukan profesional etika dipatuhi oleh profesional. Ini bukan sahaja kepada juruaudit, tetapi di dalam negara kita banyak golongan profesional. Profesional-profesional diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab mereka mengikut kod etika ataupun profesional etika masing-masing dan walau bagaimanapun perkara itu adalah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Puan Kamalia telah memberi pandangan tentang beberapa perkara tetapi hampir semua adalah sebagai sokongan kepada rang undang-undang yang dibentangkan, cuma suka saya menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa akan mengambil prihatin terhadap kepentingan pelabur-pelabur dan rakyat kita dalam segala urusan.

Pada akhirnya suka saya menjelaskan kalau ada syarikat-syarikat yang tidak mengemukakan butir-butir yang sebenar dalam prospektus, pemegang-pemegang saham juga mempunyai hak di bawah Akta Syarikat dan juga kalau perkara ini didapati diketahui oleh Pendaftar Syarikat kita juga akan bertindak. Tetapi pada keseluruhannya, sukalah saya menasihatkan pelabur-pelabur supaya mereka cuma labur dalam syarikat-syarikat yang mempunyai rekod yang baik, latar belakang yang baik dan prestasi pada masa lalu yang baik. Oleh kerana syarikat-syarikat ini apabila mereka mengeluarkan prospektus mungkin buat tafsiran tentang expected profit dan oleh kerana ini adalah satu perniagaan sudah tentu ada risiko-risiko, maka adalah penting bagi pelabur-pelabur sendiri membuat tafsiran dan melabur sebelum memikirkan sedalam-dalamnya sebelum melabur dalam sesebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang saya ingin jelaskan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga telah menyuarakan beberapa perkara yang membina. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin ini.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.